



'Spiderman' jual pati minuman **18**



Penempatan pekerja asing dipindahkan

Elak penularan kluster industri



Datuk Seri Ghafaar Atan berkongsi pengalaman menangani pandemik COVID-19 di Melaka

BERITA PENUH MUKA 2 & 3



KEMPEN WAKAF 1.5 JUTA NASKAH AL QURAAN BESERTA SANAD ILMU MUKJIZAT AL QURAAN



NASKAH AL QURAAN YANG TELAH DIWAKAFKAN AKAN DIAGIHKAN KEPADA

PESANTREN

PONDOK

MADRASAH

AKADEMI AL QURAAN

MAAHAD TAHFIZ

PUSAT PENGAJIAN AL QURAAN

INSTITUT AL QURAAN

KOLEJ AL QURAAN

DI DALAM DAN LUAR NEGARA

PAKEJ INDIVIDU
RM 25 / 1 NAMA

PAKEJ SOLIHEEN
RM 125 / 5 NAMA

PAKEJ ULUL ILMI
RM 255 / 10 NAMA

PAKEJ ULUL ALBAB
RM 555 / 15 NAMA

[facebook/Glowaqaf](#)

[waqaf.glowaqaf.com](#)

+6011-1858 4719 (En. Abu Adam Moinuddin)

Farah Suhaidah Othman

TIDUR sekurang-kurangnya empat jam sehari sudah menjadi 'rutin' harian seorang pemimpin, lebih-lebih lagi apabila Melaka berdepan dengan keadaan sukar menangani pandemik COVID-19 dengan kes yang kian meningkat.

Wartawan Melaka Hari Ini (MHI) pada 27 Julai lepas berkesempatan mengikuti Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan untuk merasai sendiri pengalaman sehari bersama beliau.

Pelbagai isu dan tugas perlu dititikberatkan terutama membabitkan keperluan rakyat berdepan pandemik COVID-19 selepas dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Menangan COVID-19 negeri pada April tahun lepas.

Jadi, tidak hairanlah bagi Abdul Ghafaar merangkap Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, beliau tidur selewat-lewatnya jam 1.00 pagi dan bangun seawal jam 4.30 pagi bagi memastikan keperluan rakyat dipenuhi.

MEMULAKAN TUGAS SEAWAL JAM 10 PAGI

Sebaik menuaikan solat Subuh, beliau akan melakukan senaman ringan bagi memastikan tugas-tugas harian dilaksanakan dengan penuh bersemangat dan dedikasi.

Tugas hakiki Abdul Ghafaar bermula pada jam 10 pagi apabila beliau sudah terpacak di pejabatnya di bangunan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Asahan.

Memandangkan Melaka masih berada di Fasa Satu Pelan Pemuliharaan Negara (PPN), beliau lebih selera melakukan tugas di kawasan pentadbiran di Asahan berbanding berada di pejabatnya di Kompleks Seri Negeri.

Aktiviti pagi itu dimulakan dengan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menangan COVID-19 secara atas talian dengan dihadiri ahli jawatankuasa dan pelbagai agensi kerajaan berkaitan.

KETUA MESYUARAT BERKAITAN COVID-19

Ketika wartawan MHI mendekati rutin harian Abdul Ghafaar di pejabatnya, beliau masih mempengerusikan mesyuarat tersebut tanpa henti selama empat jam.

Katanya, mesyuarat paling lama dipengerusikannya kerana terpaksa membincangkan isu berbangkit berikutnya mesyuarat sebelum ini tertunda kerana meraikan Hari Raya Aidiladha.

Bagaimanapun, beliau sedikit pun tidak beranjak dari tempat duduknya kerana baginya perkara berkaitan COVID-19 bukan perkara main-main terutama ia membabitkan nyawa rakyat Melaka.

Usai mesyuarat, Abdul Ghafaar menjamah makanan tengah hari meskipun waktu pada ketika itu sudah menunjukkan jam 3.30

24 JAM BERSAMA PENGERUSI JAWATANKUASA KHAS MENANGANI COVID-19 MELAKA

Peranan tangani COVID-19 digalas penuh dedikasi

Eksklusif
MHI

GHAFAAR (kanan) mendengar taklimat daripada petugas kesihatan berkaitan ketika melakukan lawatan kerja ke Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan MPJ Hang Kasturi, Selandar, Jasin pada 27 Julai lepas.

petang.

GEMAR SANTUNI RAKYAT NAMUN COVID-19 MEMBATASKANNYA

Beliau mengakui, pada waktu pandemik COVID-19 ini, beliau menjadi lebih berhati-hati apabila turun padang santuni rakyat kerana bimbang akan jumlah kes positif virus pembunuh yang kian meningkat.

"Dalam keadaan pandemik tengah meningkat ini, saya lebih suka berurus di pejabat JAPE-RUN, jadi saya jarang 'mengayau-gaya' kerana bimbang nanti orang kata saya tidak peka dengan kenainan kes."

"Jadi saya tengok keadaan, sekiranya keperluan seperti ada kes kematian atau bantuan, saya akan salurkan bantuan sekurang-kurangnya lima rumah sehari."

"Duduk buat tugas di pejabat pun bosan juga, sekekali mahu juga bersempang panjang dengan orang kampung namun lawatan saya tidak lama kerana kita bimbang kita sendiri yang bawa 'virus' kepada orang lain," katanya.

PANTAU MOVAC PASTIKAN VAKSINASI BERJALAN LANCAR

Sebaik menuaikan solat Zuhur, beliau kemudian bergegas ke Dewan Hang Kasturi Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) bagi mengikuti perjalanan Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di kawasan itu.

Meskipun hari terakhir MOVAC di kawasan itu sudah hampir ke penghujung ketika ketibaannya, namun Abdul Ghafaar berkeras untuk melihat sendiri proses vaksinasi dalam kalangan masyarakat di kawasannya.

Dapat dilihat ketibaan Exco negeri itu disambut mesra Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNN) Habibah Jaafar dan menjawab setiap patah pertanyaan Abdul Ghafaar dengan sebaiknya.

Sesekali terlihat Abdul Ghafaar berseloroh bersama petugas barisan hadapan sebagai usaha untuk mengurangkan beban penat lelah dihadapi golongan itu dalam melaksanakan tugas.

KAJI ISU, PERKEMAS TUGAS PORTFOLIONYA

Apabila menjengah malam, rutin Abdul Ghafaar tidak terhenti di situ sebaliknya beliau akan melihat semula perkembangan yang berlaku ketika sidang khas Dewan Rakyat.

Beliau akan mencuri masa bagi memastikan isu semasa dibincangkan ketika perbahasan itu tidak terpinggir dari pengetahuan-nya.

Memandangkan keesokannya

beliau perlu menghadiri Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di Kompleks Seri Negeri, beliau akan membuat kajian mengenai isu yang akan dibentangkan dalam mesyuarat itu supaya beliau lebih bersedia untuk memberikan penjelasan yang konkrit berkaitan portfolionya.

Setelah berpuas hati dengan segala kajian dan persiapan menghadapi MMKN, barulah Abdul Ghafaar mampu tidur dengan lena walaupun jam menunjukkan jam 1 pagi.

WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
02 OGOS 2021	6.00 am	7.11 am	1.20 pm	4.41 pm	7.25 pm	8.38 pm
03 OGOS 2021	6.00 am	7.11 am	1.20 pm	4.41 pm	7.25 pm	8.38 pm
04 OGOS 2021	6.00 am	7.11 am	1.20 pm	4.40 pm	7.25 pm	8.37 pm
05 OGOS 2021	6.00 am	7.11 am	1.20 pm	4.40 pm	7.25 pm	8.37 pm
06 OGOS 2021	6.00 am	7.11 am	1.20 pm	4.40 pm	7.25 pm	8.37 pm
07 OGOS 2021	6.00 am	7.11 am	1.19 pm	4.39 pm	7.25 pm	8.36 pm
08 OGOS 2021	6.00 am	7.11 am	1.19 pm	4.39 pm	7.24 pm	8.36 pm

Daripada Abu Hurairah Israhwa Rasulullah SAW berasabda: Sesungguhnya, siapa seseorang telak secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian,

02 Ogos 2021 - 08 Ogos 2021 (23 Zulhijah 1442H - 29 Zulhijah 1442H)

Kluster industri

Melaka cari penempatan jangka panjang untuk pekerja asing

Farah Suhaidah Othman

Foto : MR Azli

KERAJAAN Melaka akan menge-nal pasti penempatan baharu bagi menempatkan pekerja asing bagi menangani penularan COVID-19 dalam kalangan kluster industri yang kian meningkat.

Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, perkara itu diputuskan sebagai langkah kerajaan negeri dalam tempoh jangka masa panjang men-angani pandemik itu.

Justeru katanya, majikan syari-kat berkaitan perlu akur dengan arahan berikutnya kerajaan melaksanakan penguatkuasaan tegas mengikuti Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Ke-mudahan Pekerja 1990 (Akta 446).

"Invest Melaka Berhad dia-rahkan untuk berunding dengan



GHAFaar

Lembaga Perumahan Melaka (LPM) supaya membina penempatan asrama pekerja kilang.

"Perkara itu adalah langkah jangka masa panjang, kerana kita hendak keluarkan pekerja industri

“Perkara itu adalah langkah jangka masa panjang, kerana kita hendak keluarkan pekerja industri yang menyewa di taman perumahan jadi mereka perlu diasingkan supaya tiada masalah sosial berlaku di kawasan itu”

yang menyewa di taman perumahan jadi mereka perlu diasingkan supaya tiada masalah sosial berlaku di kawa-san itu," katanya.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar negeri ber-kata, antara faktor peningkatan kes dalam kalangan kluster industri adala-h disebakan tiada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dilaksanakan di kawasan penempatan masing-masing.

"Apabila berlaku penularan COVID-19 dan kita siasat kediaman mereka, dahsyat bak kata orang macam 'tongkang pecah' kerana ada antara mereka tinggal sehingga 10 orang dalam satu bilik.

"Walhal mereka memang dititipkan disiplin SOP di tempat kerja," katanya.

Berikutnya itu, Abdul Ghafaar berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil tindakan tegas dan menguatkuasakan akta berkaitan supaya majikan menyediakan kediaman yang sesuai kepada pekerja.

"Menerusi mesyuarat khas COVID-19 itu, Invest Melaka sudah memindahkan pekerja ke Truck Center atau Pusat Kenderaan Berat, Durian Tunggal yang boleh menampung lebih 1,000 pekerja di situ.

"Manakala satu lagi akan di-tempatkan di asrama pekerja di Merlimau," katanya.

Van jenazah ditambah, tampung kes kematian

KERAJAAN negeri memutuskan van jenazah milik pelbagai agensi ke-rajaan digerakkan bagi membantu keperluan Hospital Melaka (HM) menangani kes kematian pesakit aki-tat COVID-19.

Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, perkara itu diputuskan susu-lan van jenazah hospital berkenaan tidak mencukupi untuk menampung kes kematian yang kian meningkat setiap hari.

Akibat masalah itu, katanya je-nazah atau mayat mangsa COVID-19 terpaksa disimpan di bilik mayat hos-pital berkenaan sekali gus mengaki-batkan kepadatan di tempat itu.

"Kita putuskan supaya mana-mana agensi kerajaan yang ada van jenazah dipusatkan di HM supaya apabila kematian akibat COVID-19 membabitkan orang Islam, proses pengebumian dipercepatkan.

"Pasukan polis mempunyai van jenazah dan agensi itu sudah berse-

tuju malah ATM (Angkatan Tentera Malaysia) serta APM (Angkatan Per-tahanan Awam Malaysia) juga sudah bersetuju untuk membantu.

"Kita juga memohon Jabatan Agama Islam (JAIM) untuk menge-nal pasti van jenazah yang diempa-kan di masjid atau surau berhampiran HM, supaya digazetkan sebagai 'back-up' kepada hospital berkenaan," katanya.

Tambahnya, bagi masyarakat bukan Islam, pihak berkuasa tempa-tan (PBT) diarahkan memberi kebe-naran melanjutkan tempoh masa pengebumian hingga waktu malam.

"Sebelum ini, ada antara masya-rakat bukan Islam yang mengebumi-kan mayat seperti proses membakar mayat diberi tempoh hingga jam 4.30 petang.

"Jadi, kita minta PBT lanjutkan tempoh pembakaran sampai malam kerana mahu mengelakkan kepada-tan mayat di HM," katanya.



STATISTIK PERKEMBANGAN MELAKA PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

*Data setakat 29 Julai 2021 / 11:59:00 malam

637,097 Sudah Daftar

94.1%

313,285 Dos pertama

46.2%

172,796 Dos kedua

25.5%

LAPORAN HARIAN PEMBERIAN DOS VAKSIN

DOS PERTAMA DOS KEDUA


8,174

6,232

JUMLAH PENDAFTARAN



JUMLAH DOS PERTAMA DAN KEDUA



KESELURUHAN TERDAPAT 72 PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) BERIKUT 23 LOKASI PPV > SEMUA DAERAH

- 1 BAYOU LAGOON
- 2 KOMPLEKS SUKAN MASJID TANAH
- 3 TEXAS INSTRUMENT
- 4 INFINEON TECHNOLOGIES
- 5 YAYASAN TOH PUAN ZURINA
- 6 ENCORE
- 7 DEWAN MPJ HJ. AHMAD ITHNIN MERLIMAU
- 8 DEWAN JAPERUN AYER MOLEK
- 9 DEWAN MMU
- 10 HOSPITAL MELAKA
- 11 DEWAN TAMING SARI, UTM LENDU
- 12 DEWAN MPJ ALAMANDA JASIN
- 13 DEWAN HANG TUAH
- 14 DEWAN JAPERUN SUNGAI UDANG
- 15 HOSPITAL JASIN
- 16 DEWAN BUNGA TANJUNG
- 17 DEWAN JAPERUN KLEBANG
- 18 DEWAN TUN ALI
- 19 HOSPITAL ALOR GAJAH
- 20 DEWAN MBMB TAMAN BERTAM JAYA
- 21 DEWAN CREATE
- 22 DEWAN CTRM
- 23 DEWAN MPHTJ BUKIT BERUANG

Vaksinasi buat warga emas & OKU

Belum terima janji temu, boleh 'walk-in' ke 15 PPV Melaka

MELAKA – Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) Melaka membentarkan semua pusat pemberian vaksin (PPV) awam di negeri ini memberikan suntikan vaksin COVID-19 secara 'walk-in' kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang belum menerima janji temu, mulai 26 Julai lalu.

Exco Kesihatan Datuk Rahmad Mariman bagaimanapun berkata, di bawah inisiatif itu setiap PPV hanya boleh memberikan vaksin kepada 50 individu terawal memandangkan bekalan vaksin yang terhad.

"Walk-in hanya dibenarkan bermula jam 8.30 pagi hingga jam 1 tengah hari.

"Warga emas, OKU atau waris peneman perlu membawa kad pengenalan penerima vaksin, telefon pintar yang berdaftar dengan MySejahtera serta dokumen berkaitan seperti penyakit kronik (sekiranya ada) ke PPV.

"Menerusi inisiatif 'walk-in' untuk warga emas dan OKU ini, ada-

lah diharapkan Melaka akan segera dapat mencapai kadar vaksinasi 100 peratus buat golongan ini," katanya dalam kenyataan di sini.

Bagi warga emas dan OKU yang telah mempunyai tarikh janji temu serta lokasi PPV, Rahmad menasihat agar mereka hadir ke lokasi yang telah ditetapkan.



RAHMAD

"Mereka ini tidak dibenarkan 'walk-in' ke PPV lain kerana PPV telah ditetapkan," katanya. - BERNAMA

Warga emas, OKU berpuas hati dapat vaksin 'walk in'

Faiz Hasan

SUNGAI UDANG – "Saya berpuas hati dengan cara macam ini, sebab pengagihan vaksin secara terus dapat disalurkan kepada warga emas," kata Nor Azman Latiff.

Dia antara warga emas yang menerima suntikan vaksin secara 'walk-in' atau jumpa terus di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Japerun Sungai Udang pada 28 Julai lepas.

Katanya, dia gembira dan bersyukur dengan inisiatif kerajaan bagi memberi kemudahan dan perhatian kepada golongan seperti dirinya.

Nor Azman yang juga orang kurang upaya (OKU) berkata, inisiatif itu memudahkan golongan seperti dirinya



NOR Azman

kan diri di sini dengan bawa kad pengenalan.

Sudah lama anak daftar saya dalam MySejahtera dan bila dapat tahu boleh dapat suntikan secara 'walk-in' saya terus datang kerana tidak mahu tunggu lama sebab umur pun dah lanjut," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Sementara itu, proses suntikan vaksin lancar bila-pun dihadiri ramai orang dan tiada kesesakan berlaku dalam bangunan terbabit.

Sumber memberitahu setakat jam 1 tengah hari hanya kira-kira 10 warga emas dan OKU yang tidak mempunyai janji temu hadir secara terus untuk vaksinasi.

Sementara itu, Haslizah

Md Saat, 46, berkata, inisiatif itu amat bertepatan pada masanya bagi memastikan lebih ramai golongan berisiko dapat divaksin.

Katanya, dia bersyukur dapat menghantar bapanya, Md Saad Karim, 72, mendapat suntikan selepas dimaklumkan oleh seorang sukarelawan dari kampungnya yang bertugas di PPV terbabit.

"Inisiatif ini amat memu-

dahkan untuk saya kerana selain ayah, saya juga menjaga ibu dan dua adik yang terlantar sakit di rumah.

"Saya hanya mampu bawa ayah untuk suntikan hari ini dan harap ada pihak boleh datang memberi suntikan vaksin di rumah.

"Emak saya berusia 66 tahun dan menghidap 'minor stroke' manakala dua adik saya berusia 36 tahun dan 31 tahun adalah OKU," katanya.

"Emak saya berusia 66 tahun dan menghidap 'minor stroke' manakala dua adik saya berusia 36 tahun dan 31 tahun adalah OKU"



HASLIZAH (kanan) mengiringi bapanya, Md Saad (berkerusi roda) memasuki PPV Japerun Sungai Udang bagi menerima vaksin secara terus, pada 28 Julai lepas.

TATACARA VAKSINASI

*SOP PENYUNTIK VAKSIN

Tunjuk jarum suntikan yang telah diisi dengan vaksin mengikut kuantiti yang ditetapkan kepada penerima vaksin.

Pfizer : 0.3ml
AstraZeneca : 0.5ml
Sinovac : 0.5ml



TIP UNTUK PENERIMA VAKSIN

SEBELUM
Pastikan jarum suntikan diisi vaksin dengan kuantiti yang tepat mengikut jenis vaksin.

SEMASA
Pandang ke arah lengan yang disuntik untuk memastikan kesemua kuantiti vaksin disuntik.
Rakaman video atau gambar dibenarkan.

Suntik vaksin dengan sempurna.



SELEPAS
Pastikan jarum suntikan kosong sebelum mengimbas kod untuk melengkapkan vaksinasi.

Tunjuk jarum suntikan yang telah dikosongkan kepada penerima vaksin.



vaksincovid.gov.my

*SOP penyuntik vaksin oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada 24 Mei 2021

Kebanyakan negeri dijangka beralih ke Fasa Empat seawal Oktober - PM

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kerajaan menjangkakan kebanyakan negeri akan dapat beralih ke Fasa Empat, iaitu fasa terakhir Pelan Pemulihan Negara (PPN) seawal Oktober ini.

Ketika memberi penerangan mengenai PPN pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat pada 26 Julai lalu, Perdana Menteri berkata ini berdasarkan usaha berturusan kerajaan untuk mengerakkan proses pemulihan dan program imunisasi yang kini sedang berjalan lancar.

Untuk itu, Perdana Menteri berkata selain memantau secara rapi keadaan di setiap negeri dari semasa ke semasa dan mengambil langkah intervensi mengikut keperluan, kerajaan juga akan tetap melaksanakan penilaian risiko dari segi kesediaan negeri-negeri untuk beralih ke fasa seterusnya.

"Saya juga ingin jelaskan, kerajaan sudah memutuskan pada Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara, bagi negeri

yang sudah berada di fasa kedua, ia tidak akan kembali ke fasa pertama. Begitu juga dengan negeri yang beralih ke fasa ketiga, tidak akan patah balik ke fasa kedua.

"Ini kerana, pendekatan PPN menekankan dengan izin, exit strategy and no turning back (strategi keluar dan tidak berpatah balik)," katanya.

PPN yang diumum 15 Jun lepas menggariskan empat fasa peralihan merangkumi perincian SOP untuk setiap fasa dengan peralihan fasa bagi sesebuah negeri akan dinilai dan dipertimbangkan berdasarkan tiga indikator nilai ambang iaitu purata bilangan kes harian, kadar penggunaan katil di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) dan peratusan rakyat dewasa yang lengkap divaksinasi.

Sejak dilancarkan, lapan negeri telah beralih ke Fasa Dua iaitu Perlis, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. – BERNAMA



MUHYIDDIN ketika memberi penerangan mengenai PPN pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat pada 26 Julai lepas.

Dr Adham pertahan tidak guna Ivermectin

KUALA LUMPUR – Isu penggunaan Ivermectin, iaitu sejenis ubat antiparasit, untuk merawat pesakit COVID-19 menghangatkan sesi penggulungan Ahli Parlimen mengenai Tindakan Mengatasi COVID-19 pada 27 Julai lepas.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba ketika menggulung, bangkit mempertahankan serta memperjelas tindakan kerajaan untuk tidak menggunakan ubat itu meskipun didesak oleh beberapa Ahli Parlimen dari blok pembangkang agar penggunaannya dibenarkan dalam rawatan COVID-19.

R.Sivarasa (PH-Sungai Buloh) berpendirian bahawa kebenaran penggunaan Ivermectin perlu diberikan kepada doktor persendirian dalam memberikan rawatan dengan persetujuan pesakit.

Dr Adham berkata perkara itu tidak boleh dilaksanakan kerana data klinikal bagi membuktikan keberkesanan penggunaan ubat tersebut belum diketahui.

"Kita telah beri kelulusan khas ubat itu secara 'off label' bagi ujian klinikal...18 hospital kerajaan terlibat dalam kajian klinikal akan melibatkan 500 pesakit COVID-19. Buat masa sekarang, kita ada 200 pesakit akan serta kajian ini. Keputusan kajian akan diperoleh September tahun ini."

"Bukan Ivermectin sahaja untuk rawat COVID-19, jangan kelirukan Dewan dengan kebenaran untuk menggunakan Ivermectin sehingga diketahui data kajian. (Ivermectin) ada kesan sampingan. Negara India dan Peru tarik balik penggunaan Ivermectin, kenapa kita mahu gunakannya kalau tidak ada indikasi?" katanya.

Sivarasa, yang mengalui-alukan kajian itu, bagaimanapun tetap meminta Kementerian Kesihatan (KKM) untuk tidak menghalang doktor persendirian menggunakan ubat tersebut.

Kholid Abd Samad (PH-Shah Alam) turut menceleh dan berkata: "Jika mereka (pesakit) sanggup mengambilnya (Ivermectin), (maka) berikan kepada mereka."

Terdahulu, isu itu dibangkitkan oleh Mohamad Sabu (PH-Kota Raja) ketika sesi perbahasan yang meminta kerajaan mempertimbang penggunaan Ivermectin untuk merawat pesakit COVID-19. – BERNAMA

Kontrak 14,000 pegawai perubatan, pergigian dan farmasi dilanjutkan

KUALA LUMPUR - Kerajaan telah bersetuju melanjutkan kontrak kira-kira 14,000 doktor perubatan, pergigian dan pegawai farmasi bagi tempoh dua tahun (atau 7,000 setiap kohort/tahun) yang akan melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM1.2 bilion, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Menurutnya, ini susulan keputusan kerajaan supaya pegawai perubatan, pergigian dan farmasi kontrak ditawarkan pelantikan secara kontrak selama dua tahun selepas melengkapkan tempoh khidmat wajib bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan serta persediaan untuk mengikuti pengajian di peringkat kepaka-

ran.

"Kerajaan sangat prihatin terhadap tuntutan kumpulan petugas kesihatan kontrak itu dan sedar mengenai sumbangan serta peranan mereka sebagai barisan hadapan kesihatan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat, terutamanya dalam situasi pandemik COVID-19," katanya dalam sesi soal jawab mengenai Program Pemulihan Negara (PPN) pada sidang khas Dewan Rakyat di sini, pada 26 Julai lalu.

Menjelaskan selanjutnya, Tengku Zafrul berkata kerajaan juga telah bersetuju melanjutkan pelantikan secara kontrak bagi tempoh maksimum empat tahun untuk kalangan pegawai perubatan dan

pergigian yang diterima mengikuti pengajian kepakaran dalam tempoh kontrak dua tahun pertama.

Menurutnya, langkah itu bagi memastikan pegawai-pegawai berkenaan dapat melengkapkan pengajian kepakaran masing-masing.

Selain itu, Tengku Zafrul memaklumkan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengarahkan Kementerian Kesihatan serta agensi berkaitan merangka satu pelan komprehensif dan inklusif yang merangkumi tindakan segera, pelan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang bagi hala tuju perkhidmatan perubatan. – BERNAMA

Menteri jamin ketelusan perbelanjaan, perjanjian perolehan vaksin

KUALA LUMPUR - Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Khairy Jamaluddin hari ini memberi jaminan bahawa segala perbelanjaan dan perjanjian yang dilaksanakan dalam perolehan vaksin dan pelaksanaan PICK akan terus dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Khairy, yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkata perkara ini adalah untuk menjamin ketelusan dan keterbukaan program tersebut kerana pelaksanaan PICK memperuntukkan suatu perbelanjaan yang besar kepada negara.

"Sudah pastinya, jumlah peruntukan sebanyak RM5.8 bilion ini menimbulkan persoalan tentang bagaimana wang ini telah dan akan dibelanjakan," kata beliau dalam sesi penerangan mengenai program vaksinasi negara di Dewan Rakyat pada 28 Julai lepas.

Khairy berkata PAC telah mengadakan prosiding sebanyak dua kali iaitu pada 5 Jan dan sekali lagi pada Isnin (26 Julai).

"Dalam prosiding PAC ini, dokumen perjanjian perolehan

vaksin serta butiran perbelanjaan bagi PICK telahpun dibentangkan.

"Selain daripada PAC, pada Jumaat lepas (23 Julai) juga, MOSTI yang diwakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian telah memberikan keterangan di dalam prosiding Jawatankuasa Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi," tambahnya.

Bagi memastikan ketelusan dan keterbukaan PICK, satu taklimat kepada semua ahli Parlimen juga telah diadakan pada 22 Mac lepas di Putrajaya, katanya. – BERNAMA

"Selain daripada PAC, pada Jumaat lepas (23 Julai) juga, MOSTI yang diwakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian telah memberikan keterangan di dalam prosiding Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi"

Kempen Insentif Vaksinasi 'Vax & Win'

Tawar hadiah bernilai hampir RM1 juta

Farah Suhaidah Othman

SERI NEGERI - Rakyat Malaysia berpeluang memenangi hadiah utama dua unit hartanah serta bulanan bernilai hampir RM1 juta menerusi Kempen Insentif Vaksinasi 'Vax & Win'.

Kempen berkenaan ini-siatif tanggungjawab korporat sosial (CSR) NCT Alliance Berhad (NCT Alliance) dalam usaha menyokong kerajaan menggalakkan suntikan dalam kalangan rakyat.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, inisiatif itu diambil sebagai menghargai rakyat Malaysia terutama di negeri ini kerana menjayakan usaha kerajaan ke arah imuniti kelompok.

Katanya, bagi menggalakkan rakyat Melaka untuk mendapatkan



SULAIMAN (dua dari kiri) bersama Muhammad Jailani (kiri) dan Rahmad (dua dari kanan) melancarkan Kempen Vax & Win di Bilik Tun Perak MMKN di Kompleks Seri Negeri pada 28 Julai lepas.

dan melengkapkan vaksinasi COVID-19, lima cabutan bertuah setiap bulan diberikan khas kepada penduduk di negeri ini.

"Penyertaan bagi kempen itu akan dibuka bermula 1 Ogos ini

hingga 31 Mac 2022.

"Ia terbuka kepada seluruh warga negara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang telah melengkapkan dua dos suntikan sama ada sebelum atau selepas tempoh

kempen dilancarkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan kempen anjuran NCT Alliance Berhad itu di Bilik Mesyuarat Tun Perak MMKN di Kompleks Seri Negeri pada 28

Julai lepas.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah negeri, Datuk Rahmad Mariman dan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis dan Pengurus Eksekutif dan Pengarah Kumpulan NCT Alliance, Datuk Seri Yap Ngan Choy.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, pemenang hadiah utama itu akan diumumkan menerusi emel atau panggilan telefon pada April 2022 manakala pemenang hadiah bulanan diumumkan di laman sosial NCT.

Untuk keterangan lanjut mengenai kempen berkenaan, orang ramai boleh melayari laman Facebook NCT di NCTgroupmy dan Instagram nctgroupmy.

SUK Melaka bersara

Liana Sahabudin

SETIAUSAHA Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan secara rasminya bersara pada 30 Julai lalu, selepas berkhidmat memegang jawatan itu sejak Februari 2019.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengucapkan terima kasih atas khidmat baktinya sepanjang berada dalam pentadbiran Kerajaan Melaka.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka saya mengucapkan selamat bersara kepada Kerajaan Negeri Melaka Datuk Seri Dr. Hasim Hasan.

"Sepanjang saya mengenali beliau, Datuk Seri Dr. Hasim cukup berdedikasi tinggi dan berwawasan serta banyak membantu melicinkan pentadbiran saya di Kerajaan Negeri Melaka.

"Sekali lagi, sekalung penghargaan dan terima kasih di atas khidmat bakti kepada Kerajaan Negeri Melaka," katanya menerusi hantaran di Facebook rasminya pada 29 Julai lepas.

Sementara itu, Hasim meluahkan rasa syukur kerana telah selamat sampai ke penghujung kerjayanya dalam perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang telah dianggotainya sejak 1 Ogos 1989.

"Alhamdulillah, saya bersyukur kerana telah selamat sampai ke penghujung kerjaya, Insya-Allah.

"Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka, YAB Ketua Menteri Melaka, semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka di pelbagai peringkat.

"Pohon maaf atas sebarang kesilapan serta kesalahan yang saya lakukan dan dihalalkan makan minum.

"Begitu juga kemaafan saya pohon atas tuturkata serta perlakuan tidak menyenangkan sepanjang kita berurusan selama ini," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Dalam pada itu Hasim turut mendoakan agar Negeri Melaka terus maju jaya dan semoga kemajuan serta kejayaan yang dicapai akan menjadikan seluruh rakyat Melaka bahagia serta mengamit warga dunia.



HASIM (kanan) sambil disaksikan Sulaiman ketika mengakses kad keluar di Seri Negeri, sebagai simbolik tamatnya perkhidmatan beliau selepas bersara secara rasmi pada 30 Julai lepas.

Tapak parkir Hospital Melaka dijadikan Hospital Medan ATM

TAPAK parkir Hospital Melaka (HM) akan dijadikan sebagai Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam masa terdekat.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, perkara itu diputuskan susulan kenyataan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba memaklumkan Hospital Medan ATM di Labuan akan ditutup dan dipindahkan ke negeri ini.

Ia berikutnya Labuan adalah Wilayah Persekutuan pertama di Malaysia mencapai sasaran imuniti kelompok apabila 80 peratus penduduknya berusia 18 tahun dan ke atas telah melengkapkan dua dos vaksin.

"Kawasan parkir yang terletak berhampiran dengan Masjid Al-Azim dijadikan hospital medan dan boleh menampung kapasiti sekurang-kurangnya 100 pesakit."

"Pelbagai fasiliti termasuk tenaga kerja sudah tersedia manakala bekalan elektrik diambil daripada Masjid Al-Azim," katanya.

Jelasnya, bagi pihak kerajaan negeri mengucapkan ribuan terima kasih atas perpindahan itu sekali gus mampu mengatasi kesesakan pesakit COVID-19 di HM.



SULAIMAN menyampaikan buku 'Coffee Table' kepada Hasim sebagai cenderahati sempena perasaraan beliau.

Tangki oksigen Hospital Melaka dinaik taraf

Faiz Hasan

BUKIT PALAH – Kerja-kerja memasang regulator dan menaik taraf sistem paip tangki oksigen di Hospital Melaka dilakukan bermula 26 Julai lepas bagi mengatasi kekurangan tekanan bekalan oksigen.

Exco Kesihatan, Datuk Rahmad Mariman berkata, kekurangan oksigen berlaku disebabkan peningkatan pesakit yang dimasukkan di hospital itu menyebabkan penggunaan gas itu meningkat lebih dua kali ganda.

"Perkara ini adalah disebabkan oleh bertambahnya perkhidmatan kritikal COVID-19 di Hospital Melaka yang merupakan satu-satunya hospital hibrid di negeri ini bagi menempatkan pesakit COVID-19 kategori tiga hingga lima.

"Pertambahan pesakit menyebabkan kadar penggunaan oksigen telah melebihi

tahap kapasiti asal iaitu meningkat lebih dua kali ganda daripada penggunaan sebelum ini.

"Keadaan ini menyebabkan sistem penghantaran gas perubatan berpusat mengalami isu tekanan rendah yang boleh menyebabkan pengagihan oksigen kepada pesakit-pesakit agak terjejas," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri mesyuarat dia-dakan di Hospital Melaka, di sini baru-baru ini.

Jelasnya, kerja pemberian dilakukan menggunakan tangki sama yang dipercayakan menjadi dua bahagian supaya mampu meningkatkan kadar tekanan oksigen dan ia dijangka mengambil masa kira-kira empat minggu untuk disiapkan.

Rahmad berkata, sebagai tindakan awal pihak hospital telah mengimbangkan kadar penggunaan di kawasan terjejas ok-

sigen dengan mengalihkan pesakit yang menggunakan kadar oksigen tinggi secara seimbang ke seluruh wad-wad di Hospital Melaka.

"Di samping itu, proses penyumbangan (outsourcing) pesakit yang menggunakan oksigen hospital-hospital swasta juga telah dimulakan bagi mengurangkan beban bekalan oksigen di hospital Melaka.

"Malah penggunaan dewan-dewan bedah di hospital Jasin dan hospital Alor Gajah juga telah dioptimumkan untuk mengurangkan beban penggunaan oksigen di hospital ini.

"Hospital Melaka juga telah menerima peruntukan untuk menaik taraf sistem gas perubatan berpusat, malah kita merancang memasang lagi tangki baru sekiranya kerja-kerja membaik pulih tekanan oksigen masih tidak mencukupi," katanya.



HOSPITAL Melaka merupakan satu-satunya hospital hibrid di negeri ini bagi menempatkan pesakit COVID-19 kategori tiga hingga lima.

Pantau harga telur ayam, KPDNHEP keluar notis

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PAYA RUMPUT – Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka akan mengeluarkan notis bagi mendapatkan maklumat kenaikan harga telur ayam di beberapa pasar raya utama di negeri ini.

Pengaruhnya, Norena Jaafar berkata, pihaknya juga akan merekod harga jualan telur secara harian untuk mengawal kenaikan mendadak harga barang mentah itu.

Menurutnya, Pegawai Pemantau Harga juga akan digerakkan untuk pemeriksaan

rutin bagi membendung perkara ini daripada berlarutan.

"Biasanya barang mendapat permintaan tinggi seperti ayam, daging lembu, telur dan kelapa akan mengalami kenaikan harga terutama semasa musim perayaan.

"Kenaikan harga telur pula biasanya bergantung permintaan dan penawaran pasaran.

"Bagaikan apapun, KPDNHEP Melaka sentiasa memantau kenaikan harga semua barang dengan menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Norena juga memberi

jaminan tindakan tegas akan dikenakan kepada mana-mana peniaga jika didapati menjual barang kawalan melebihi harga ditetapkan kerajaan.

Bagaimanapun katanya, pihaknya belum menerima aduan kenaikan harga telur dan menasihati pembeli supaya mengelak pembelian panik kerana bekalananya masih stabil di Melaka.

"Disarankan pengguna mendapatkan maklumat melalui 'price catcher' bagi membuat perbandingan sebelum membuat pembelian.

"Kita juga minta pengguna melaporkan terus kepada KPDNHEP Melaka sekiranya



NORENA

berlaku kenaikan mendadak harga barang dan bukannya sekadar memuat naik di media sosial," katanya lagi.



DAK MAT

Berbahas, berhujah dengan sopan

SEPERTI dijangka 'gelanggang' Parlimen yang dibuka pada sidang khas Dewan Rakyat pada Isnin minggu lalu, bertukar kecoh.

Kali terakhir Parlimen bersidang pada bulan Disember tahun lalu. Mungkin kerana agak lama tidak berbahas dan berhujah, sesi kali ini 'dimanfaatkan' sepenuhnya oleh wakil rakyat terutama blok pembangkang.

Tidak perlulah Mat ulas panjang lebar kerana sidang Parlimen boleh ditonton secara langsung di televisyen mahupun di atas talian.

Apapun perbandingan diberi oleh netizen seperti 'biadap', 'macam sarkas' dan 'macam pasar' mengenai kekecangannya, itulah justifikasi tindakan Ahli Parlimen terbit khasnya wakil rakyat pembangkang.

Mat bukan nak pertikai hak ekslusif setiap Ahli Parlimen untuk berbahas dan berhujah demi kemasyhuran rakyat.

Cuma Mat rasa setiap Yang Berhormat perlulah bersopan dan beradap ketika berbahas, mencelah dan berhujah. Namun yang Mat lihat sebaliknya, dewan hingar dan seolah tidak terkawal.

Ada yang bangun mencelah tanpa meminta izin, meninggikan suara dan berhujah semerona. Biarpun ditegur oleh Speaker atau tidak diberi laluan, ada yang langsung tidak endah dan terus bercakap.

Mat terkesan dengan kata-kata Speaker, Datuk Azhar Azizan Harun yang menepalkan wakil rakyat pernahkang yang kerap menggunakan 'peraturan mesyuarat' jika sesuatu isu memihak kepada mereka.

Paling menyedihkan apabila Ahli Parlimen DAP tidak menghormati sesi bertafakur dan bacaan Al Fatihah oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk korban COVID-19.

Mat setuju dengan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan bahawa Parlimen Malaysia tidak boleh menjadi tempat agama dan nilai terbaik bangsa menjadi sendaan dan perbuatan biadap.

Ahli Parlimen DAP kena minta maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri dan seluruh umat Islam serta rakyat Malaysia atas tindakan tidak sopan mereka itu.

Dak Mat: Akal berpintal, berpulas tidak patah



Boleh rakam video disuntik

BAGUSLAH bila rakyat dibenar merekodkan gambar atau video semasa terima suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Setiap petugas kesihatan juga kena pastikan SOP sedia ada dan turuk penerima vaksin picagari sudah diisi vaksin sempurna sebelum suntikan.

Iktu kata Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin selepas ini setiap orang ada bukti kukuh terima vaksin sempurna.

Mat harap sangat lepas ini tiada lagi lalih dakwa kononya disuntik vaksin 'angir'. Vaksinasi tidak boleh buat main-main, ia membabitkan soal nyawa dan kesihatan daripada ancaman virus berbahaya itu.

Biarlah kes berlaku di sebuah negeri di utara itu jadi yang pertama dan terakhir. Mat simpati apabila jururawat itu mengaku berlaku kecuaian tidak menyuntik vaksin dengan sempurna kerana kelelahan.

Dia pun dah diberi amaran dan dikenakan tindakan tata tertib atas kecuaian berlaku.

Di atas semua ini, Mat berpendapat ia penyelesaian menang-menang antara petugas kesihatan dan penerima.

Tapi jangan sampai kebenaran itu disalah guna. Rakam gambar dan video tidak sepatutnya di PPV hingga ganggu perjalanan program.

Semangat serta sokongan moral kepada petugas kesihatan kena jaga. Jangan kerana satu atau dua kecuaian manusia ia menyebabkan tekanan kepada mereka.

DAK MAT: Rakam gambar bunga.

Orang berbudi, kita berbahasa

MAT tumpang bangga dan puji sikap jaguh angkat berat Filipina, Hidilyn Diaz yang menang pingat emas kategori 55 kilogram di Olimpik Tokyo 2020 tempoh hari.

Sejurus dikalungkan pingat itu dia tidak lupa ucap terima kasih kepada rakyat yang bantu selama di Malaysia bermula Januari tahun lalu khasnya keluarga angkatnya di Jasin.

Bagi Mat, inilah dikatakan 'orang berbudi, kita berbahasa'.

Dek COVID-19 dia dan dua jurulatihnya terkandas di sini apabila PKP dilaksanakan.

Bermacam cabaran dia kena lalui dan terpaksa bertukar venue latihan.

Akhirnya dia pilih berlatih di sebuah kampung di Kesang, Jasin atas perlawaan kenalannya, Ahmad Janius Abdullah yang kemudian menjadi jurulatih dan bapa angkatnya.

Bukan saja disediakan tempat tinggal, keperluan lain termasuk 'gimnasium kampung' dibina untuknya berlatih.

Mat kagum, dalam serba kekurangan, Hidilyn buktikan iltizam dan fokus kunci kejayaannya, malah dia juga tidak lokek menurunkan ilmu kepada bakat muda tempatan.

Berbaloilah penat jerih dia berlatih tujuh jam setiap hari dengan disiplin ketat hingga meraih pingat emas Olimpik pertama buat negaranya.

Mat harap, atlet sukan angkat berat negara terinspirasi dengan kejayaan

Hidilyn ini dan berusaha gigih untuk cemerlang. Yakin boleh!

DAK MAT: Teringat angkat 'dumbbell' tin susu yang disirimen.

Segera buat aduan jika pekerja dikenakan bayaran – MITI

Faiz Hasan

BUKIT KATIL – Pekerja perlu membuat aduan sekiranya majikan mengenakan sebarang bayaran bagi menyertai Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Lim Ban Hong bagaimanapun menjelaskan, setakat ini tiada aduan berkaitan diterima pihaknya.

"Sekiranya berlakunya situasi ini (diminta membayar) pekerja perlu segera membuat aduan di talian 'hotline' atau emel yang tertera di laman web kami untuk tindakan," tegasnya.

Beliau berkata demikian selepas menyertai lawatan Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam

mlewati Pusat Pemberian Vaksin (PPV) PIKAS di Bayou Lagoon Convention Centre, Bukit Katil, di sini pada 25 Julai lepas.

Hadir sama, Exco Kesihatan Datuk Rahmad Mariman, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Dr Rusdi Abdul Rahman dan Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Melaka Nasrul Menhat.

Untuk rekod, PIKAS yang dilancarkan pada 16 Jun lalu adalah kolaborasi strategik antara pihak awam dan swasta bagi mempercepatkan vaksinasi dalam kalangan pekerja sektor pembuatan.

Menerusi PIKAS, kerajaan menyediakan vaksin secara percuma, manakala pihak swasta akan membayai dan menguruskan PPV, sekali gus mengurangkan kos pentadbiran pemberian vaksin yang perlu ditanggung kerajaan.



MOHD Ali (kanan) bertanya sesuatu kepada Ban Hong (kiri) ketika lawatan ke PPV PIKAS di Bayou Convention Centre, Bukit Katil pada 25 Julai lepas.

MITI cadang buka 3 PPV PIKAS di Melaka

KEMENTERIAN Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bakal menambah tiga lagi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) melalui Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) di Melaka.

Datuk Lim Ban Hong berkata, tiga PPV PIKAS dicadangkan itu membabitkan satu PPV PIKAS Di Tapak (on-site) dan dua PPV PIKAS Penggunaan Umum.

Menurutnya, pertambahan kerjasama antara pihak awam dan swasta itu mampu mempercepatkan proses vaksinasi kepada penggiat sektor industri di negeri ini.

"PPV PIKAS jenis umum ini bukan untuk satu syarikat saja, tapi dijadikan lokasi PPV untuk kesemua syarikat berdaftar dan berkapasiti hingga 10,000 dos suntikan vaksin."

"Bagi PPV PIKAS 'on-site' pula ditempatkan di sebuah syarikat berdaftar yang mempunyai lebih 1,000 pekerja sekali gus mengurangkan pergerakan pekerja dari menumpukan ke PPV PIKAS jenis 'Common'."

"Bagi jenis 'on-site' di Melaka yang berjalan adalah seperti di Kilang TEXAS Instrument dan Infineon Technology saja," katanya.

Menurutnya, setakat ini 12 PPV PIKAS Penggunaan Umum dan 22 PPV PIKAS Di Tapak sahaja beroperasi di seluruh negara.

"PPV di Bayou Convention Centre yang dijadual beroperasi esok adalah PPV PIKAS Penggunaan Umum pertama di negeri ini yang dijangka mampu menampung sehingga 15,000 pemberian vaksin," katanya.

Mengulas lanjut, Ban Hong berkata, setakat 24 Julai lalu, 17,053 syarikat di seluruh negara telah berdaftar bagi menerima suntikan vaksin dalam program yang dijalankan itu.

Menurutnya, daripada jumlah itu kira-kira 1.3 juta pekerja akan menerima suntikan vaksin dan setakat ini seramai 28,596 pekerja telah melengkapkan dua dos suntikan vaksin program terbabit.

"Di Melaka, kementerian menyasarkan sebanyak 1,500 suntikan mampu diajukan sehari di PPV PIKAS Bayou Convention Centre dan akan memberi manfaat buat 70,952 pekerja dari 613 syarikat yang berdaftar di negeri ini."

"Kita juga menyasarkan tambahan sebanyak 35,000 vaksin akan diagihkan di Melaka bagi mempercepatkan proses dan kadar vaksinasi di negeri ini," katanya.



PPV PIKAS di Bayou Convention Centre bakal memberi manfaat kepada pekerja swasta di negeri ini.

Melaka terus pantau elak pertambahan kluster baharu

JABATAN Kesihatan Melaka sedang memantau dengan teliti kes jangkitan COVID-19 yang berpotensi mencetus kluster baharu di negeri ini.

Exco Kesihatan Datuk Rahmad Mariman berkata, langkah itu penting bagi berdepan jangkaan 66 kluster baharu boleh berlaku jika tiada tindakan pantas diambil.

Bagaimanapun ujarnya, angka itu hanya jangkaan awal membabitkan semua daerah dan kebarangkalian kewujudan kluster baharu itu boleh berlaku atau sebaliknya.

"Boleh jadi kluster baharu itu wujud, mungkin juga ia tidak akan berlaku...tapi kebiasaan bila kes mendadak lebih 20 kes akan diisyiharkan kluster baharu."

"Sebab itu pentingnya persediaan awal dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memantau rapat bagi memastikan kluster baharu yang dijangkakan itu tidak berlaku," katanya.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah negeri itu menjelaskan kluster tempat kerja iaitu Industri Lot 11 di Tangga Batu yang bermula sejak 13 Julai lalu telah menyumbang ke-

pada pertambahan kes positif COVID-19 mendadak di negeri ini.

Menurutnya, sebanyak 312 kes dari pada keseluruhan 631 kes harian semalam adalah daripada kluster itu.

"Sejak bermulanya kluster itu sebanyak 467 kes positif dilaporkan dengan 458 atau 98.1 peratus adalah pekerja asing dan selebihnya pekerja tempatan."

"Kilang elektronik itu telah pun diarahan tutup 14 hari bermula Jumaat lalu, namun kita dapat penularan kes COVID-19 ini telah merebak ke peringkat kedua dalam kalangan tempat kerja," katanya.



RAHMAD (Foto MR AZLI)

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondaleeb87@
melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor76@riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
mazren86@gmail.com

PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT
AHMAD ZUHAIR
UMARH SAMSER
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
illyann90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABA BAKAR
mimieazura1981@
melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGIKLANAN
NAQUIB TAJUDIN
naquib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NOROKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khalidah@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashalayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishalkal.zakaria@
melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufizzatl98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my



Taman 1 Krubong
Krubong, Melaka

Krubong Heights
Krubong, Melaka



Ong Kim Wee
residences
Bandar Melaka



Molek
residences
Ayer Molek, Melaka

8 residences
Padang Temu, Melaka



06-337 3333
www.pbrealty.com.my

KRUBONG
HEIGHTS 御景园
HAK MILIK KEKAL
TERES 2 TINGKAT | 20' x 70'

0
BOOKING
FEE*



06. 337 3333

012.688 6038 Michael Lee

012.601 0486 Vinz Lee

012.631 6670 Nurul

012.698 6255 Kelly Ong

012.638 4496 Yen

012.667 0833 Sara Siew

012.618 7922 Zura

012.661 1682 Tammy Ong

012-606 8195 Sylvia Chew



PB REALTY
SDN BHD

No. 1B, Wisma PB Realty, Jalan PK 8,
Taman Perindustrian Krubong,
75260 Melaka. Fax: 06.336 5678
www.pbrealty.com.my



Fokus bantu Orang Asli Bukit Sedanan

Norizan Abdul Muhid

MACHAP JAYA - Isu kemudahan asas dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Hutan Simpan Bukit Sedanan merupakan antara fokus utama yang ingin diselesaikan oleh pihak Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Machap Jaya ketika ini.

Penyelarasnya, Datuk Rospandi Leman berkata, masih ada sebilangan masyarakat Orang Asli terasa dipinggirkan kerana tidak dapat menikmati kemudahan bekalan air bersih dan elektrik walaupun sudah membina penempatan di situ sejak berahun-hahun lamanya.

Menurutnya, masalah itu mengambil masa untuk diselesaikan memandangkan tanah di situ diwartakan sebagai Tanah Rizab Hutan sekali gus di bawah Jabatan Perhutanan Melaka.

"Pihak JAPERUN Machap Jaya sedang bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi mengenal pasti cara atau langkah berkesan menangani masalah ini."

"Hakikatnya, pihak JAPERUN tidak boleh campur tangan dalam isu ini memandangkan ia di bawah kuasa agensi kerajaan terlibat untuk bertindak sewajarnya."

"Namun, kita harap masalah ketiadaan bekalan air dan elektrik yang menghantui Orang Asli di kawasan itu dapat diatasi segera kerana kita tidak mahu golongan ini terus terpinggir dari menikmati kemudahan asas," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI).

Terdapat tujuh perkampungan orang asli dalam DUN Machap Jaya iaitu Hutan Percha, Bukit Putus, Tebong Station, Kubang Badak, Air Dusun, Bukit Besar dan Ma-



AKIBAT ketiadaan kemudahan asas dan penempatan yang jauh dari sekolah, kanak-kanak Orang Asli suku Temuan gagal mengikuti pembelajaran yang sewajarnya mereka nikmati.

chap Umboo.

Selain itu menurut Rospandi, hampir setiap tahun pihaknya telah merujuk berhubung isu tersebut dengan agensi berkenaan terutama Jabatan Perhutanan dan JAKOA bagi tindakan lanjut namun masih belum ada sebarang tindakan positif diambil agensi terlibat.

"Sebelum ini ada anak orang asli dari kawasan itu bersekolah di Sekolah Kebangsaan Tebong tetapi disebabkan tiada kemudahan asas untuk mereka di situ, kemungkinan besar menyebabkan mereka kurang berminat untuk ke sekolah."

"Kita bimbang jika isu terus dibiarkan berlaku, Orang Asli di situ akan terus ketinggalan dan tidak dapat menikmati hak yang sepatutnya dikecapi," ujarnya.

Katanya, Orang Asli di situ masih bergantung kepada air pergi dan hujan bagi kegunaan harian yang dibimbangi akan menjelaskan tahap kesihatan penduduk terutama golongan kanak-kanak.

"Jika isu pemilikan tanah menjadi punca masalah ini

belum dapat diselesaikan, kita cadangkan supaya kemudahan asas ini seperti bekalan air dan elektrik dapat dilakukan secara berkerjasama dengan pihak korporat ataupun persendirian di bawah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

"Jadi, kita minta Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) dapat membina saluran air secara CSR dan sumber air mentah tiada masalah kerana ia boleh diperolehi kira-kira dua kilometer dari penempatan orang asli," katanya.

Usaha itu kata beliau, termasuk membina panel solar bagi membekalkan kemudahan tenaga di situ melalui program CSR dengan mana-mana pihak yang berminat.

Bagaimanapun ujarnya, agensi kerajaan terlibat masih bergelut menyelesaikan masalah ketiadaan kemudahan asas yang dihadapi Orang Asli Hutan Simpan Bukit Sedanan apakah lagi ketika ini berada dalam situasi pandemik COVID-19.

Katanya, pada peringkat awalnya, Orang Asli di situ sudah ditawarkan kemuda-

han rumah yang sempurna di Kampung Orang Asli Air Dusun namun disebabkan berlaku selisih faham, mereka membina penempatan lain di Hutan Simpan Bukit Sedanan.

"Orang Asli tersebut berkeras mahu terus tinggal di situ walaupun JAKOA sudah sediakan rumah lengkap dengan kemudahan asas di perkampungan

BIODATA PENYELARAS DUN MACHAP JAYA

Nama : Datuk Rospandi Leman

Tarikh Lahir : 21/12/1959

Isteri : Datin Noraini Jani, 62 Tahun

Anak : 4 Orang - Rosamira, Roshamiza; Rosathira dan Mohd Rabbani



Pendidikan Awal : Sekolah Kebangsaan (SK) Menggong Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Dol Said

Diploma Letrik Marin dan Kejurutan Awam

Pembabitan NGO : 1. Pengerusi Koperasi Felda Menggong 2. Lembaga Panasihat KKM Hutan Percha 3. Pertubuhan Peladang 4. Penaung Lembaga Masjid Menggong 5. Ahli Majlis Jaksa Pendamai Melaka 6. Ahli Majlis Datuk Negeri Melaka

Pengalaman Kerja : 1. Jurutera Marin Perkapalan (MISC di Kuala Lumpur) 2. Pengurus Syarikat MiraMaju 3. Ahli BOD Maim Holding 4. Timbalan Pengerusi Kumpulan Melaka Berhad (KMB) 5. Timbalan Pengerusi Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) (sehingga kini) 6. Pengerusi Penyelaras DUN Machap Jaya (April 2020 sehingga kini)

Orang Asli Air Dusun.

"Oleh itu, kita harap Jabatan Perhutanan dapat bantu gazetkan beberapa kawasan dalam Hutan Simpan Bukit Sedanan di bawah JAKOA untuk penempatan baharu Orang Asli terbabit," katanya.

Pada masa yang sama

beliau berharap, semua agensi kerajaan yang terlibat dapat mengatur pelan tindakan yang teratur demi menjamin kesejahteraan dan keselesaan kepada masyarakat Orang Asli di Hutan Simpan Bukit Sedanan pada masa depan.

Penduduk mahu kemudahan infrastruktur dipertingkatkan

PENDUDUK kawasan DUN Machap Jaya mahu penyediaan kemudahan infrastruktur di kawasan mereka dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa seiring dengan arus kemodenan negara pada masa kini.

Salah seorang penduduk, Mohd Yusuff Jambak, 56, berkata, masih terdapat golongan tertentu khususnya minoriti Orang Asli yang tinggal di kawasan terpencil masih jauh ketinggalan menikmati pembangunan.

Menurutnya, mereka yang tinggal jauh di pedalaman masih ketinggalan dari segi kemudahan internet atau peralatan moden lain yang dinikmati penduduk bandar.

"Seharusnya golongan seperti ini yang sewajarnya diberi perhatian memandangkan sekarang ini kita sudah jauh berubah melalui pelbagai era kemodenan negara," katanya.

Norlaila Maamor, 30, pula berpendapat, masih terdapat sesetengah tempat dalam daerah Alor Gajah yang gagal mendapat liputan rangkaian internet sekali gus menyukarkan penduduk menggunakan



NORLAILA

kemudahan tersebut dengan sempurna.

"Masalah kelemahan rangkaian internet ini amat terkesan kepada murid dan guru yang bergantung sepenuhnya kepada kemudahan internet ini bagi pembelajaran atas talian."

"Kalau diikutkan dalam era yang serba moden hari ini masalah ini tidak seharusnya berlaku," ujarnya.

Sementara itu bagi Najatul Nadiah Malsell, 25, masihlah kekurangan kemudahan asas lebih ketara berlaku di kawasan pedalaman khususnya di penempatan Orang Asli.

Menurutnya, isu paling kritikal berlaku di penempatan Orang Asli Hutan Simpan Bukit Sedanan di mana Orang Asli di situ menjalani kehidupan tanpa air dan bekalan elektrik sejak sekitar lamanya.

"Berbanding kampung Orang Asli lain, kehidupan Orang Asli Bukit Sedanan amat daif tanpa air bersih dan elektrik, tetapi saya dengar sudah ada usaha dibuat untuk menyalurkan air bersih ke penempatan Orang Asli di situ," katanya.

INFOGRAFIK KAWASAN DUN MACHAP JAYA





MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Lensa Serahan Sumbangan Masjid Dan Surau Negeri Melaka

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



TIMBALAN Pengerusi MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud (tiga kiri) menyampaikan sumbangan cek kepada ahli jawatankuasa Masjid As Salam Air Hitam Darat di DUN Tanjung Bidara bagi tujuan naik taraf kawasan letak kereta dan prasarana longkang masjid berkenaan.



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim (kanan) menyerahkan sumbangan cek kepada Pengurus Besar Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Drs. Mohd Nasruddin Rahman bagi tujuan bumbung Masjid Tengker.



MD Rawi meninjau keadaan siling dan bumbung Surau Solok Seberang Kampung Ayer Molek di DUN Kuala Linggi.



TINJAUAN dan serahan sumbangan di lokasi pembinaan surau baru di Taman Belatuk Emas dalam DUN Durian Tunggal.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#)

Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Sinar Kasih bersama Skuad Agihan Zakat MAIM (SAZ)



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim bersama SAZ MAIM santuni asnaf yang terkesan di DUN Paya Rumput.



SAZ turut menyampaikan sumbangan kepada asnaf, Azhar Seman di DUN Pengkalan Batu berikutkan anak beliau yang berusia kurang dua bulan menghidap sakit jantung berlubang.



KEPRIHATINAN dan perhatian kepada asnaf serta mereka yang terkesan di negeri ini menjadi keutamaan SAZ MAIM dalam memastikan kebajikan mereka disantuni sebaiknya.



KETUA MENTERI, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menerima kit makanan daripada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang telah disempurnakan oleh Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud di Seri Bendahara. Sejumlah 300 kit makanan telah disumbangkan MAIM bagi tujuan pengagihan kepada mereka yang terjejas di negeri ini.



MUFTI Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil (kiri) menyerahkan surat kebenaran solat Jumaat kepada beberapa surau sepanjang Tempoh Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri ini. Kebenaran berkenaan memberi ruang kepada lebih ramai masyarakat Islam di negeri ini untuk menuaikna solat Jumaat.



Jom Berwakaf

5 Kaedah Berwakaf

- 1** Di Kaunter
Aras bawah
Bangunan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)
- 2** Melalui Akaun BANK ISLAM
04015010017434
Saham Wakaf Majlis Agama Islam Melaka
- 3** Potongan Gaji
Secara Bulanan Minima RM2.00
- 4** Aplikasi BOOST
Muat Turun di Google Play Store & Apple App Store
- 5** e-BAYAR
Bayaran Wakaf Tunai Bayaran Fidyah
ebayar.melaka.gov.my

Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal iwakaf.maim.gov.my

Perundangan

Mengikut Seksyen 77, Enakam Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 menjelaskan :

“Walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau pengisyiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi Pemegang Amanah Tunggal Wakaf Negeri Melaka”

Fatwa Kebangsaan

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah **DIBOLEHKAN** di dalam Islam

(Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke - 77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu)



Skim

BANTUAN MAIM



01  Bantuan Makanan Bulanan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	02  Bantuan Saraan Anak Sekolah Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	03  Bantuan Saraan Anak IPT Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
04  Bantuan Sakit Kronik Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	05  Bantuan Sakit Terlantar Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	06  Bantuan Skim Simpanan Fakir Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
07  Bantuan Sewa Kediaman (Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	08  Bantuan Rawatan Dialisis (Yayasan Toh Puan Zurina & Sinar Haemodialisis Sdn. Bhd.) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	09  Bantuan Persediaan Ramadhan Syawal Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
10  Bantuan Pakaian Sekolah Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	11  Pekerja Sukarelawan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	12  Bantuan Alat Bantu Pulih Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
13  Bantuan Khairat Kematian Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	14  Bantuan Yuran Sekolah (Anak Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	15  Bantuan Am Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
16  Bantuan Kecemasan/ Makanan Kecemasan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	17  Bantuan Pembaikan Rumah (Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	18  Bantuan Aidiladha Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
19  Bantuan Skim Simpanan Muallaf Kelayakan : Asnaf muallaf sahaja	*terbuka mengikut Had Kifayah dan kesesuaian kelayakan kategori asnaf	



SMART A+

WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

**SEJARAH TINGKATAN 5 BAB 4 :
SISTEM PERSEKUTUAN**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Persekutuan? (m/s 66)
- Penyatuan beberapa buah negeri dan membentuk Persekutuan
 - Gabungan antara negeri yang berdaulat dan membentuk Persekutuan
 - Gabungan empat buah negeri Melayu berdasarkan Perjanjian Persekutuan 1895
 - Penerusan tradisi sejarah
2. Persekutuan berkukuasa pada tahun 1896 dikenali sebagai (m/s 66)
- Negeri-Negeri Selat
 - Negeri-negeri Melayu Bersekutu
 - Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu
 - Persekutuan Borneo
3. Siapakah Residen Negeri Sembilan yang pertama? (m/s 66)
- Hugh Low
 - JWW Birch
 - Martin Lister
 - J.P Rodger
4. Antara berikut, sultan manakah yang menandatangani Perjanjian Persekutuan 1895? (m/s 66)
- Sultan Idris Murshidul Adzam Shah
 - Sultan Samad ibni Raja Abdullah
 - Sultan Mansur Shah
 - Sultan Abu Bakar
- I dan II
 - I dan IV
 - III dan IV
 - II dan III
5. Pada tahun 1946, British telah menyatakan pentadbiran semua negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka untuk membentuk sebuah kerajaan berbentuk kesatuan yang dinamakan (m/s 67)
- Kerajaan Pusat
 - Malayan Union
 - Negeri-negeri Selat
 - Kesatuan Melayu Raya
6. Mengapakah pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dilakukan? (m/s 68)
- Menyatukan kaum
 - Melicinkan pentadbiran
 - Memastikan kedaulatan terpelihara
 - Membentuk kesatuan
7. Antara berikut, yang manakah tidak terkandung dalam Senarai Persekutuan? (m/s 69)
- Hal ehwal luar negeri
 - Tanah
 - Pelajaran
 - Pertahanan
8. Mengapakah peruntukan tambahan diberikan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama bagi Sarawak dan Sabah? (m/s 70)
- Mengawal kerakyatan
 - Menentukan Hari Kelepasan Negeri
 - Mentadbir mengikut perlembagaan
 - Menyesuaikan kemasukan negeri dalam Persekutuan Malaysia
9. Kerajaan Tempatan lebih dikenali sebagai (m/s 71)
- Pihak Berkusa Daerah
 - Pihak Berkusa Negeri
 - Pihak Berkusa Tempatan
 - Pihak Berkusa Awam
- 10.
- Menjaga kesihatan awam
 - Menyenggarai sistem saliran

Antara berikut, nilai manakah yang sesuai diktaitkan dengan fungsi Kerajaan Tempatan di atas? (m/s 71)

- Bekerjasama
- Toleransi
- Bertanggungjawab
- Adil

11. Berikut merupakan tujuan utama kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Memastikan segala usaha pembangunan dapat memberi manfaat demi kesejahteraan rakyat di seluruh negara

Yang berikut merupakan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri kecuali (m/s 72-74)

**SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SEJARAH**

**JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI**
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

- Kerjasama pembangunan ekonomi
- Kerjasama pemuliharaan perhutanan negara
- Kerjasama penyediaan perumahan rakyat
- Kerjasama menjamin keselamatan Negara

12. Melalui kerjasama pembangunan sosioekonomi, kerajaan telah menujuhan FELDA. Apakah tugas FELDA? (m/s 72)
- Mengurus dan menyalur kewangan kepada Kerajaan Negeri
 - Melaksanakan rancangan pembangunan tanah baharu
 - Menguruskan air dan saliran
 - Membekalkan benih sawit

13. Bagi memulihara khazanah laut, Kerajaan Persekutuan membentuk dasar berkaitan dengan taman laut manakala Kerajaan Negeri berkuasa terhadap (m/s 75)
- pembersihan taman
 - pembangunan taman
 - pembersihan pulau
 - pembangunan pulau

14. Berikut merupakan Program Perumahan Mampu Milik di peringkat Persekutuan dan peringkat Negeri kecuali (m/s 77)
- Perbadanan Perumahan 1 Malaysia (PRIMA)
 - Rumah Selangorku
 - Program Perumahan Rakyat (PPR)
 - Rumah Mesra Rakyat

15. Jawatankuasa Pernantau Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) ditubuhkan bagi meningkatkan keselamatan kawasan Timur Sabah. Siapakah pengurus jawatankuasa tersebut? (m/s 78)
- Ketua Pegawai Turus
 - Perdana Menteri Malaysia
 - Ketua Pegawai Eksekutif
 - Panglima Pasukan Keselamatan

16. Berikut merupakan faktor yang mengukuhkan Sistem Persekutuan (m/s 80)
- Keluhan perlembagaan
 - Kedaulatan undang-undang
 - Penyelarasian Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
 - Perlembagaan Persekutuan
- I dan II
 - II dan IV
 - I dan III
 - III dan IV

17. Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri adalah dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Apakah tujuan mesyuarat tersebut diadakan? (m/s 80)
- Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan
 - Menyelaras pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 - Mengadakan perundingan dengan Kerajaan Persekutuan
 - Membentuk dasar kerajaan

18. Tanggungjawab utama Setiausaha Persekutuan bagi Sarawak dan Sabah adalah untuk mengeratkan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Bilakah jawatan tersebut diwujudkan? (m/s 81)
- 1990
 - 1989
 - 1982
 - 1963

19. Berikut merupakan antara kebaikan yang diperoleh daripada penyelaras dan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri kecuali (m/s 81)
- Menentukan bidang kuasa dalam persekutuan
 - Menjamin Sistem Persekutuan beroperasi dengan berkesan
 - Menyumbang kepada kestabilan hubungan antara negeri
 - Memberi manfaat kepada kesejahteraan negara

20. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara untuk menyelaras pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Antaranya ialah (m/s 81)
- Majlis Keselamatan Negara
 - Majlis Air Negara
 - Majlis Kewangan Negara
 - Majlis Perumahan Negara

JAWAPAN:-

1)A	2)C	3)C	4)A	5)B	6)B	7)D	8)D	9)C	10)C
11)B	12)B	13)D	14)C	15)B	16)C	17)A	18)D	19)A	20)C

Bomba Melaka siap siaga hadapi musim kemarau

Oleh Mohamad Fazrul Abdul Majid & Nur Iliyana Zainis Zainal

AYER KEROH - Cuaca panas dan kering yang dijangka berlaku sehingga pertengahan September depan membuatkan Bomba Melaka bersiap siaga lebih awal.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka, Zulkhairani Ramli berkata, setakat ini sebanyak 21 jentera 'fire rescue tender' berserta empat lori tangki air yang mampu menampung 70,000 liter air telah disediakan untuk menghadapi sebarang ancaman kebakaran hutan dan sebagainya.

Selain itu, pihaknya juga akan memantau lokasi panas (hotspot) kebakaran hutan di seluruh negeri.

"Di Melaka kesemua 10 balai bomba dan jentera-jentera yang kita ada sentiasa bersedia sekiranya berlaku kes-kes kebakaran hutan sepanjang musim kering nanti.

"Pada masa sama, kita juga sentiasa memeriksa dan memastikan peralatan yang kita ada seperti

"Situasi itu bertambah sukar sekiranya kawasan itu tidak mempunyai sumber air, terletak di kawasan terpencil dan berlaku di tanah gambut."

'forest fire hose', pam angkut untuk pengepaman air terbuka dipersiapkan ketika ini.

"Untuk kes-kes kebakaran terbuka, selain peralatan apa yang paling penting ialah kebijaksanaan kita mengkoordinasi strategi," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurutnya, sejak berkhidmat di Melaka, kes kebakaran hutan yang



ZULKHAIRANI Ramli

paling mencabar pernah dihadapi pada suakknya ialah di Merlimau awal tahun ini yang mengambil masa enam hari untuk dipadamkan.

Sepanjang tempoh itu, ramai anggotanya terpaksa 'berkampung' di kawasan itu bagi memastikan kebakaran dapat dikawal sepenuhnya.

"Hasil siasatan kita, selain cuaca panas, kebakaran terbuka juga berlaku akibat aktiviti perladangan yang mana pekebun membersihkan kebun mereka dan membakar sisa-sisa tanaman.

"Jadi, kita menasihatkan pekebun agar elakkan daripada melaku-

Jadikan anak saudara hamba seks Suami isteri ditahan

Faiz Hasan

KUALA LINGGI - Seorang remaja perempuan mendakwa menjadi pemusnaf nafsu bapa saudaranya sejak tiga tahun lalu apabila dirogol berulang kali di sebuah rumah di Kuala Sungai Baru, di sini.

Perbuatan keji suspek berusia 39 tahun itu terbongkar apabila mangsa berusia 18 tahun tampil membuat laporan polis pada 18 Julai lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Melaka, Asisten Komisioner Mohd Sukri Kaman berkata, berdasarkan laporan, mangsa mendakwa dirogol sejak Oktober 2018 hingga kini kali terakhir pada bulan lepas.

Katanya, siasatan mendapati kejadian itu bukan sahaja diketahui ibu saudara mangsa, bahkan wanita berusia 37 tahun itu turut bersekongkol membenarkan suaminya merogol mangsa.

"Susulan laporan itu, Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-kanak (D11) telah menjalankan siasatan dan menahan pasangan suami isteri itu yang juga pembekal sate.

"Suspek wanita ditahan pada hari sama laporan dibuat manakala suaminya diberkas pada 22 Julai lalu," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Sukri berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan (KK) dan Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (AKSKK) 2017.

"Suspek utama yang juga bapa saudara mangsa didapati mempunyai dua rekod lampau berkaitan dadah.

"Mangsa yang kematian ibu dan kehilangan ayah tinggal bersama kedua-dua suspek sejak berusia 10 tahun," katanya.

Beliau berkata, Seksyen 376 dan Seksyen 14 (a) AKSKK memperuntukan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalan.

kan sebarang pembakaran terbuka sepanjang tempoh kemarau kerana kita tahu faktor kemerebakannya boleh jadi sangat dahsyat sehingga sukar dikawal.

"Situasi itu bertambah sukar sekiranya kawasan itu tidak mempunyai sumber air, terletak di kawasan terpencil dan berlaku di tanah gambut," katanya lagi.

SHARP



Three Star Electrical Air-Conditioner Sdn Bhd
三星冷气电器有限公司



BIG GAME PROMO

23 July - 20 August 2021



70" AQUOS 4K UHD
Android TV
4T-C70CK1X
Normal Price: RM6,699
Normal Price: RM6,299

Promo Price
RM5399
70"
BIG AQUOS 4K



60" AQUOS 4K UHD Android TV
4T-C60BK1X
Normal Price: RM3,799
Normal Price: RM3,699

Promo Price
RM3099
60"
BIG AQUOS 4K



50" AQUOS 4K UHD
Android TV
4T-C50BK1X
Normal Price: RM2,799

Promo Price
RM2299
50"
BIG AQUOS 4K

Exclusive FREE* GIFT



3.1 ch Dolby Atmos Sound Bar
with Wireless Subwoofer
HT-SBW460
Normal Price: RM1,999

Promo Price
RM1499

*T&Cs apply.



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

THE sounds of the *Keroncong* alluded me when I arrived in Surakarta (Solo) on a Sunday morning. It was 2 October 2011. The three-day International Solo *Keroncong* Festival had ended the day before. There were some 20 groups from Australia, Italy, Hungary, Japan, and Sweden too. Malaysia was also a participant.

Page 12 (the back page) of the *Solopos Mingguan*, the Sunday edition of *Solopos* reported with the headline "12 Langgam baru tercipta" (12 new styles composed) from the 26 new compositions registered. The organizer, Ari Mulyono was quoted as saying "Ini sangat bagus untuk kemajuan kerongcong di masa mendatang" (This augured well for the future advancement of *keroncong*).

We return to Batavia. Generally thought to be derived from the Portuguese music of the 16th and 17th centuries, the heyday of *keroncong* were the years 1900 to 1942. It was the most popular music in the Dutch East Indies. And port cities like Tanjung in Pulau Pinang, Singapura, Medan, Semarang and Manila were the sites of *irama kerongcong*.

The Sounds of *Keroncong*: Tuning in to the Illusive *Irama*

Keroncong is also *kroncong* in Indonesia (where the 'c' is pronounced as ch in English or tj in Dutch). It was *krontjong* or *kerontjong* before the Indonesian spelling reform enactment in 1972. *Kronchong*, *keronchong*, and *krongchong* are earlier variants. This column uses the spelling *keroncong*.

Philip Yampolsky (2010), a scholar of Indonesian music described *keroncong* in several distinct senses. The primary referent was a four-or five-stringed plucked lute, shaped like a small guitar. This was in the 19th century, and perhaps in the 18th century too. The name is probably onomatopoeia for the sound of strumming. The lute, like its close cousin the ukulele, is descended from the Portuguese *cavaquinho*. In his article "Kroncong Revisited: New Evidence from Old Sources" in *Archipel*, Yampolsky referred it as the "kroncong lute." In the 20th century, the term continued to designate the lute, and was also extended to refer variously to the ensemble the lute (or its substitute the ukulele) play in (*orkes kerongcong*), the ensemble's typical repertoire (*lagu keroncong*).

// THE slaves, some prefer the term mestizos, had assimilated Portuguese language and culture. They were Catholics. Some were Muslims. Hence the *Keroncong Morisko (Moors)*. //

The *keroncong* also refers to the complex of repertoire and performance practice. Historically, Yampolsky divided these fairly into three such complexes. The first is what he called popular *keroncong* in the first four decades of the 20th century; second is the standard *keroncong*, since about 1950; and third, *late keroncong*. Examples of late *keroncong* are *pop keroncong* and *keroncong dangdut*; and apparently *Beatles keroncong*.

We find CDs of *Keroncong* (mainly aimed at the nostalgia market) with selections identifying the song with *keroncong* (for *keroncong asli*), *langgam*, or *pop keroncong*. The earliest use of the term '*kronjong asli*' could be seen on labels issued in about the late 1930s to 1940s and *pop keroncong* in the 1970s. Probably the best known *keroncong asli* where most could name are *Keroncong Morisko* and

Keronchong Kemayoran.

Elements of the standard *keroncong* repertoire would among others be the violin, flute, guitar and voice with the main melody heterophonically. There is considerable fluidity and rhythmic freedom. There is the *cak-cuk*, the small plucked lutes, where *cuk* is on the beat and *cak* is off. And the cello, playing rapid, rhythmically animated pizzicato patterns that contrast both with the steady flow of the *cak-cuk*, the walking guitar, and with a freer violin, flute and vocal lines.

In many ways, *keroncong* is a hybrid, a synthesis, a syncretic music, recalled Bronia Kornhauser in her 1978 article "In defence of *kroncong*." *Keroncong* has been said to involve European and Eurasian origins. Yampolsky's glimpse of *keroncong*'s past centred on freed slaves. They were the "black Portuguese" – freemen and slaves of Portuguese trading posts in Africa, India and the Malay peninsula. The slaves, some prefer the term mestizos, had assimilated Portuguese language and culture. They were Catholics. Some were Muslims. Hence the *Keroncong Morisko* (Moors).

When the Dutch drove out their Portuguese rivals in the 17th century, the "Black Portuguese" however, remained in Batavia. In 1619, Batavia became the capital of the Dutch East Indies. Those freed became known as Mardjikiers (free persons) derived from the Malay word "Merdeka" and the Tagalog "Maharlika." Speaking creolized Portuguese, later in early 19th century, they blended into the larger Indonesian society.

According to Yampolsky, one enclave of the Mardjikiers largely remained unassimilated. These were the inhabitants of Tugu, a village 24 kilometres to the east of Batavia, founded in 1661. There were 23 Mardjiker families originally from Bengal and the Coromandel. Arguably Tugu can be called the birthplace of the *keroncong*. But Yampolsky proposed that *keroncong* and the music of Tugu represent diverse branches growing out of

early Mardjiker music but subject to later musical influence as well.

The earliest print reference to *keronchong* music, or playing the *keroncong* lute placed it in association with Eurasians, not the inhabitants of Tugu. It was the Eurasians (Indos in Indonesia) and by the 1880s it was Holland, and not Portugal, who took *keroncong* up and integrated with *stambul*, where it came to the attention of the first companies recording Indonesian music. The *stambul* was inspired by the *bangsawan* having its origins in Tanjung, Pulau Pinang.

Interestingly *Terang Boelan* (Terang Bulan), the origin of Malaysian's anthem Negara Ku, was aired in *keroncong* in Batavia and Bandung in 1938. *Terang Boelan* was labelled "special *krontjong* programma dimainkan oleh 'Lief Java' dipimpin oleh Hugo Dumas dan dibantuo oleh Miss Rukyah (Roekiah) dan lain-lain penanji jang terkenal (*Terang Bulan* – a special *kroncong* program played by "Lief Java", directed by Hugo Dumas, with Miss Rukyah and other well-known singers.)

Having evolved in style and instruments over more than 400 years, the *keroncong* genre saw compositions such as "Di Bawah Sinar Bulan Purnama" (Under the light of the full moon) and "Slendang Sutra" (Silk Shawl) as classics. The name Ismail Marzuki (1914-58) was monumental. The all time favourite amongst aficionados is probably Gesang Martohartono's "Bengawan Solo." The *irama kerongcong* lives on in the Tanah Air.

NEXT WEEK:
Malay Peninsula and Archipelago

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



PHILIP Yampolsky, a scholar of Indonesian music, described *keroncong* in several distinct senses. The primary referent was a four-or five-stringed plucked lute, shaped like a small guitar.

‘Spiderman’ jual pati minuman di Pantai Puteri

Din Ahmad

PANTAI KUNDOR – Terpaksa menahan panas setiap kali memakai kostum adiwira ‘Spiderman,’ bukan halangan buat seorang pemuda mencari rezeki dengan menjual pati minuman.

Muhammad Izat Nazmi Norzaini, 22, berkata, dia mencuba kelainan itu bagi menarik perhatian pelanggan dan menghiburkan kanak-kanak yang mengikuti ibu bapa masing-masing di pantai peranginan Pantai Puteri, di sini.

Katanya, dengan berpakaian watak filem Hollywood itu, sedikit demi sedikit dia berjaya menarik perhatian orang ramai pantai itu untuk mencuba minuman itu.

“Sebelum ini saya berniaga pakaian di sebuah kompleks beli-belah di Kampung Morten, Bandar Raya Melaka.

“Namun, apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dimulakan pada Mac 2020, kedai pakaian tidak dibenarkan beroperasi, lalu saya mencari idea untuk memulakan perniagaan baru.

“Kebetulan saya baharu bernikah seminggu sebelum PKP 1.0 dimulakan dan pandemik COVID-19 menyebabkan saya benar-benar terkesan kerana tidak dapat mencari rezki melalui perniagaan pakaian,” katanya ketika ditemui di pantai berkenaan baru-baru ini.

Katanya, selepas puas mencari idea bidang perniagaan baharu, dia menemukan idea menghasilkan

pati minuman teh ais, teh hijau dan kopi yang dipelajari daripada abang iparnya.

Menurutnya, dia membeli kostum berkenaan secara dalam talian dan menjual minuman berkenaan di situ sejak sebulan lalu.

“Abang ipar saya pernah bermula warung kopi sebelum mencebur ke bidang perniagaan lain dan dia mencurahkan ilmu pembuatan pati berkualiti tinggi bagi memastikan ia benar-benar menarik minat pelanggan,” katanya.

Bapa bayi berusia lima bulan itu berkata, kanak-kanak yang mengikuti ibu bapa mereka tidak melepaskan peluang bergambar dengannya setiap kali membeli pati minuman berkenaan.

KOSTUM Spiderman menjadi pilihan Muhammad Izat bagi menarik perhatian pelanggan di Pantai Puteri.



PERODUA SALES SDN BHD
(CAWANGAN UTAMA MELAKA)

3S *SALES • SERVICE • SPARE PART*



0% SST EXTENDED

- ✓ PROSES SEGERA
- ✓ PEMBELIAN ATAS TALIAN (ONLINE)
- ✓ PENGHANTARAN CEPAT
- ✓ TRADE IN TERUS KE PERODUA
- ✓ PEMBAHARUAN INSURAN DAN CUKAI JALAN



NORASLINDA
Sales Advisor
017-665 6836



LOH
Sales Advisor
017-662 6822



HAZWAN
Sales Advisor
017-310 8798



FAIZ
Sales Advisor
013-704 1318



AZRUL
Sales Advisor
011-3921 6515



HAFIZ
Sales Advisor
016-266 0544



AMIRAH
Sales Advisor
019-744 5646

PENINSULAR MALAYSIA

ALZA
PRICE FROM
RM49,944

MYVI
PRICE FROM
RM41,292

ARUZ
PRICE FROM
RM68,526

ATIVA
PRICE FROM
RM61,500

BEZZA
PRICE FROM
RM33,456

AXIA
PRICE FROM
RM23,367



**DON'T WAIT UNTIL YEAR END!
BOOK NOW WHILE TAX HOLIDAY CONTINUES**



DR. SHANKAR GUNARASA



SEBELUM ini saya telah menulis bertenang sakit di ulu hati dan penyebabnya. Kebiasaannya masalah gastrik sering di kaitkan dengan sakit di ulu hati. Tetapi tahukah anda keradangan pankreas boleh juga menyebabkan sakit di ulu hati. Untuk mengetahui keradangan pankreas, anda perlu tahu apakah itu organ pankreas ini, di mana letaknya dan yang paling mustahak fungsi pankreas ini. Bagi memastikan fungsi pankreas anda sentiasa berada pada tahap yang optimum, anda perlu memfokuskan kepada makanan yang kaya dengan protein, rendah lemak dan mengandungi antioksidan.


Makanan seperti daging bebas lemak, kekacang, sup dan alternatif kepada produk tenusu seperti susu kacang almond boleh meringankan beban pankreas anda. Bayam, bluberi, ceri dan bijirin penuh; itu antara makanan yang baik untuk sistem pencernaan anda berikutnya ia mengandungi jumlah antioksidan yang tinggi.

Pankreas adalah organ yang terletak j di bahagian belakang perut yang menghasilkan enzim untuk pencernaan makanan dan hormon seperti insulin. Saiznya adalah sepanjang 6 cms dan berbentuk mirip berudu. Kepala pankreas ini terlekat di sisi duodenum and ekor pankreas terletak berdekatan dengan organ limpa spleen.

Radang pankreas (pankreatitis) adalah keadaan kesihatan yang menyebabkan pankreas bengkak dan tidak boleh menjalankan fungsinya secara normal.

Masalah keradangan pankreas boleh mempengaruhi keupayaan pankreas untuk mencernakan makanan

Keradangan Pankreas



Tanda utama pankreatitis adalah sakit perut yang timbul secara tiba-tiba. Rasa sakit ini muncul di bahagian tengah abdomen namun kadang kadang terasa di sisi kanan atau kiri perut.

Gejala lain yang mungkin timbul pada pankreatitis akut adalah:

- Demam
- Cirit birit
- Rasa mual dan muntah.
- Gangguan pencernaan. Perut membengkak dan sakit bila disentuh.

● Kulit dan mata menguning

Apakah penyebab keradangan pankreas (pankreatitis) ini? Dua gejala utama penyebab pankreatitis di Malaysia adalah

1. BATU HEMPEDU

Hal ini terjadi apabila batu hemedu keluar dari pundi hemedu dan menyumbat saluran pankreas. Sekitar 40% penyebab pankreatitis disebabkan oleh penyumbatan batu ehmedu.

2. PENGAMBILAN ALKOHOL

Cara penyebab dan kesan kepada pankreas sukar di pasptikan tetapi pengambilan alkohol berlamaan penyumbang kepada 30% kes pankreatitis

Selain daripada dua faktor di atas, ada juga penyebab lain. Antaranya ialah

- Masalah genetic seperti cystic fibrosis.
- Kanser pankreas. Kandungan kolesterol triglyceride yang tinggi.
- Kesan sampingan dari ubatan Tingginya kadar kalsium dalam darah yang disebabkan oleh hyperparathyroidism.
- Obesiti.
- Infeksi virus, seperti demam campak.
- Kesan sampingan dari prosedur ERCP.
- Trauma di ulu hati seperti blunt trauma di tengah abdomen seperti dari kemalangan, kesan tumbuk. Komplikasi dari pankreatitis,

- sekiranya tidak di rawat dari awal boleh menyebabkan Nekrosis di pankreas.

● Pankreas bernanah.

● Kronik pankreatitis (chronic pancreatitis).

● Pseudocyst di pankreas.


Oleh itu bagaimanakah seseorang pakar dapat mengesani masalah ini. Diagnosis dapat di buat dengan :

- Pangambilan darah amylase, lipase.
- Ultrasound abdomen atau CT scan abdomen.
- ERCP (endoscopic retrograde pancreatography).
- MRCP (magnetic resonance cholangiopancreatography).

Bagaimakah untuk meghindari dari masalah ini? Sekiranya anda tahu punca-punya, anda tentu boleh menghindarinya. Oleh itu Elakkan pengambilan minuman beralkohol. Sekiranya anda ada batu hempedu, anda perlu menjaga dan menghindari makanan berkolesterol tinggi. Pengamalan makanan yang sihat dan seimbang.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah keradangan pankreas atau sekiranya meghidapi masalah kesakitan di ulu hati, anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopik dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131

Pancreas



Pancreas dan organ di sekeliling



Mohamad Fazrul Abdul Majid

"SAYA tak pernah malu walaupun jadi cacat seumur hidup, sebaliknya saya bangga kerana kaki kiri ini terkorban demi mempertahankan negara."

Demikian pendirian seorang bekas komando, Hussin Mahbeb, 72, yang sememangnya layak diangkat sebagai salah seorang 'wira tidak didendang' bersempena Hari Pahlawan negara tahun ini.

Hussin yang berkhidmat bersama Regimen Gerak Khas (RGK) Sungai Udang selama 22 tahun merupakan antara figura yang bertanggungjawab menghapuskan saki-baki komunis pada OPS Gubir sekitar era 70-an yang lalu.

KAKI HANCUR DEK KOMUNIS

Namun, siapa sangka operasi terakhir yang disertainya pada 21 April 1976 itu meragut kesempurnaan hidupnya apabila terpijak jerangkap samar yang dipasang komunis.

"Saya masih ingat pada ketika itu, saya dan isteri sedang merancang untuk bersiar-siar di Bandar Melaka. Sewaktu tengah siap tiba-tiba sahaja datang sebuah kenderaan di depan rumah minta saya bersiap sedia untuk pergi operasi kecemasan."

"Saya terus buka baju dan sarung uniform dan terus bergerak menuju ke lapangan terbang Batu Berendam menaiki sebuah jet ke ke OPS Gubir di Kedah."

"Untuk ke lokasi di sempadan Malaysia-Thailand itu, kami dibawa menaiki sebuah helikopter dan saya diturunkan dengan tali ke lokasi yang dipercayai sarang komunis itu," katanya menceritakan detik terbabit di rumahnya di Taman Sungai Udang.

Menurutnya, sebaik tiba di kem komunis yang dipagari buluh itu, dia bersama rakan-rakan cuba menyusup masuk dan ketika itulah seorang rakannya yang dikenali sebagai Allahyarham Sarjan Mat Jantan terpijak perangkap dan mengalami kcederaan.

"Melihat situasi itu, kami cuba membantu, tetapi tiba-tiba sahaja saya melambung tiga kaki kerana terkena satu lagi jerangkap samar yang entah datang dari mana."

"Ketika itu saya tak panik, tapi saya terus menahan kaki dan ketika itulah saya dapat lihat kaki kiri saya sudah hancur dan hanya tinggal ibu jari kaki sahaja terkulai pada kulit," ujarnya.

Dalam perjalanan ke hospital menaiki helikopter dia sekali lagi diuji apabila dihujani tembakan rambang di udara.

Mujurlah tembakan itu tidak mengenai tepat ke sasaran dan dia berjaya tiba di Hospital Alor Setar sebelum diberi rawatan lanjut.

"Sepanjang di hospital saya tidak mengalami trauma akibat kejadian itu, sebaliknya



HILANG kaki kiri ketika berkhidmat dalam OPS Gubir pada April 1976.

saya dan rakan-rakan masih sempat bergurau dan membuatkan suasana riuh-rendah di hospital.

"Nak kata serik, jauh sekali. Mungkin mentaliti sebagai komando membuatkan kami kuat dan selepas pulih saya kembali meneruskan khidmat sehingga berpencen pada 24 April 1992 sebagai Pegawai Waran 2," kata bapa enam anak itu.

ANAK, CUCU IKUT JEJAK LANGKAH

Sepanjang berkhidmat, Hussin telah menerima beberapa penganugerahan seperti Bintang Bentara Angkatan Tentera Malaysia, Pingat Jasa Malaysia (PJM), Kurniaan Perutusan Keberanian (KPK), Pingat Perkhidmatan Setia dan Pingat Setia Sentiasa Berjuang (PSSB).

Di sebalik penganugerahan itu, apa yang lebih membanggakannya ialah ialah melihat tiga anaknya turut mengikut jejak langkahnya menjadi tentera.

Walaupun menyedari bahaya dan risiko yang menanti, anak-anaknya itu tetap mahu berbakti demi keamanan dan kedaulatan negara.

"Anak kedua dan keempat saya sudah pencek sekarang dan terakhir mereka bergelar Sarjan dalam tentera."

"Tinggal seorang lagi yang masih berkhidmat iaitu anak ketiga saya, perempuan yang kini berpangkat Leftenan Kolonel."

"Malah seorang cucu saya juga ada yang

Jangan hina 'pahlawan' negara

kedaulatan negara," katanya.

MUSUH YANG TAK TERLIHAT

Bercerita soal kerjaya tentera masa kini, Hussin mengakui cabarannya sedikit berbeza berbanding apa yang dihadapinya dahulu.

Katanya, pada masa sekarang, ramai yang memperlekehkan profesion itu sehingga ada yang menghina dan mencercanya sebagai kerjaya 'makan gaji buta'.

Bagaimanapun, ujarnya ramai yang tidak menyedari sebenarnya cabaran seorang anggota beruniform cukup getir pada masa sekarang terutama apabila pandemik COVID-19 melanda negara.

"Darurat zaman dahulu, polis dan tentera berdepan dengan musuh yang boleh dilihat, tetapi sekarang lagi mencabar kerana musuh yang ada (COVID-19) tidak dapat dilihat."

"Walaupun jarang berkawal di hutan seperti saya dahulu, tetapi peranan mereka sekarang tetap besar."

"Anda semua boleh lihat sendiri bagaimana polis dan tentera bertanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan sepanjang kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."

"Sebab itulah saya berharap agar orang awam tidak lagi menghina profesion ini dan hormatilah petugas barisan hadapan kerana mereka inilah yang berpanas dan berhujan untuk menjaga rakyat dalam tempoh sukar sekarang," katanya lagi.



ملاک هاری این
MELAKA HARI INI

JAWATAN KOSONG

Melaka Hari Ini Sdn. Bhd. dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan dalam bidang berkaitan untuk mengisi jawatan kontrak di Melaka Hari Ini Sdn. Bhd.

HANYA CALON YANG BERKELAYAKAN SAHAJA AKAN DIPANGGIL UNTUK DITEMUDUGA

BIL	JAWATAN	GRED	SYARAT KELAYAKAN	KEKOSONGAN JAWATAN
	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	M5	<p>i. Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;</p> <p>Atau</p> <p>Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;</p> <p>ii. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun di dalam bidang berkaitan;</p> <p>iii. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dengan rangkaian protokol komputer seperti TCP/IP, POP3, SMTP HTTP, HTTPS;</p> <p>iv. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran menggunakan bahasa pengaturcaraan komputer seperti MySQL, HTML, Java, JavaScript, Visual Basic 6.0 atau .Net, MS Frontpage, JSP, dan lain-lain;</p> <p>v. Mempunyai pengetahuan menggunakan Adobe Photoshop, Illustrator, Dreamweaver adalah kelebihan tambahan.</p>	1 Orang

Calon-Calon Boleh Menghantar Permohonan di Pejabat Melaka Hari Ini Sdn. Bhd. atau emel ke pentadbiranmhisb@gmail.com

Untuk maklumat lanjut sila hubungi

Tarikh tutup permohonan pada
Bertempat di

- : Puan Nurhazirah binti Abdul Aziz di talian 06-251 9314 /15
- : 05 Ogos 2021 (Khamis)
- : Bangunan Rumah Media Melaka, Jalan Lingkaran MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka.



HUSSIN menunjukkan pingat yang diperolehnya sepanjang dan selepas berkhidmat bersama Regimen Gerak Khas (RGK) Sungai Udang.

Penangan ikan 'rentap' Nelayan kena lima jahitan

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA – Akibat direntap ikan besar seorang nelayan yang sedang menarik rawai terpaksa menerima lima jahitan akibat ibu jari kiri tertusuk mata kail baru-baru ini.

Mohd Amin Fuad Ramli, 27, terpaksa menahan kesakitan tiga jam dan hampir pengsan akibat kehilangan banyak darah selepas ibu jarinya terbelah kira-kira empat sentimeter.

Dalam kejadian tersebut, tekong terbabit dan awak-awak, Shahrin Nizam Dorani, 30, menangkap ikan di perairan dua batu nautika dari Pantai Tanjung Dahan, Kuala Linggi.

"Kami turun ke laut jam 6.30 pagi dan selesai membuang rawai pada jam 8 pagi sebelum menariknya mulai jam 8.45 pagi.

"Selepas menarik suku bakul rawai, saya meninggalkan ikan gelama yang tersangkut

pada mata kail tetapi pada masa sama, saya tidak perasan ada ikan besar yang sudah kena mata kail berada di bawah perahu."

"Tiba-tiba ikan itu merentap tali rawai dan menyebabkan ibu jari kiri tertusuk mata kail," katanya ketika ditemui di Pangkalan Nelayan Kampung Pengkalan Balak pada jam 12 tengah hari sebelum mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Kuala Sungai Baru.

kehilangan banyak darah.

Sejurus selepas selesai menarik rawai, mereka kembali ke Pangkalan Nelayan Kampung Pengkalan Balak pada jam 12 tengah hari sebelum mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Kuala Sungai Baru.

"Saya tidak sangka ada ikan besar kerana tiada henjutan pada tali rawai, mungkin ikan yu kemejan yang jika memakan umpan rawai, dia tidak mengigal seperti ikan merah atau jenahak."

"Ikan itu mempunyai daya henjutan yang sangat kuat kerana dengan sekali henjutan saja, tali rawai terlepas daripada tangan saya dan mata kail tertusuk pada jari," katanya yang terpaksa berhati sekurang-kurangnya seminggu akibat kecederaan dialami.

Rawai adalah alat menangkap ikan dengan menggunakan 800 mata kail yang dipasang umpan sebelum dibuang ke dasar laut.

"Tiba-tiba ikan itu merentap tali rawai dan menyebabkan ibu jari kiri tertusuk mata kail"



MOHD AMIN menunjukkan ibu jari kirinya dan mata kail yang menusuk jarinya akibat direntap ikan besar.

IKLANEKA



PILIHAN RUANG
PENGIKLANAN
YANG BIJAK!

Hubungi :

06 251 9315 / 018 329 9936



www.melakahariini.my



Melaka Hari Ini



www.melakahariini.my



Melaka Hari Ini

AUTOMOTIF

Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori



Serendah
RM50
Sahaja!!



HARTANAH
Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah



KERJAYA
Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan



KLASIFIKASI AM
Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot



NOTIS
Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am

Jual bantuan kit makanan untuk beli dadah

Norizan Muhib

DURIAN TUNGGAL – Ambil bantuan kit makanan kemandian jual untuk beli dadah, malah ada yang mempunyai puluhan rumah sewa, datang minta bantuan. Tapi kita serah juga sebab dah datang.

“Kita tahu mereka sebenarnya tidak layak, tapi kita teruskan juga sebab tak mau mengeruhkan keadaan atau timbul salah faham,” katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI).

Menurutnya, berdasarkan ‘siasatannya’ ada juga penerima yang datang dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan bagi mendapatkan kit makanan DUN Durian Tunggal dengan menggunakan kad pengenalan lama.

“Bila kita siasat rupanya pemohon tersebut telah berpin-dah ke Kuala Pilah dan kad pengenalan menunjukkan dia tinggal menyewa di Durian Tunggal sebelum ini.

“Bagaimana dia boleh berjaya rentas negeri, itu saya tidak pasti,” ujarnya.

Beliau sehubungan itu berharap golongan yang berke-mampuan itu atau tidak mengambil kesempatan di sebalik kesempitan orang lain dan sifat pemurah pemberi bantuan.

Menurut Ismail, sejak memperkenalkan kemudahan Gerobok Rezeki Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Durian Tunggal sejak Mei tahun lalu, lebih 3,000 orang telah menerima bantuan kit makanan dan pelbagai barang keperluan harian.



ISMAIL (kiri) memasukkan barang keperluan dari rak Gerobok Rezeki JAPERUN Durian Tunggal sebelum diedarkan kepada golongan sasar yang memerlukan bantuan khususnya mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Anak disahkan jantung berlubang Bapa buntu cari wang rawatan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PENGKALAN BATU – Seorang bapa rungsing memikirkan cara mencari wang bagi merawat bayinya berusia 57 hari yang disahkan menghidap jantung berlubang.

Azhar Seman, 30, berkata, sebelum ini dia bekerja sebagai peniaga ayam madu di pasar malam.

Namun, sejak isterinya bersalin, dia hilang punca pendapatan kerana tidak dapat bermula dan hanya bergantung kepada wang simpanan untuk menyara keluarga dalam tempoh itu.

Dia berkata, keadaan lebih buruk apabila isterinya Sharifah Noraini Yusof, 39, mengalami serangan panik dan dalam keadaan tidak stabil selepas dimaklumkan anak sulung mereka menghidap sakit kronik sejak sebulan lalu.

“Sekarang ini saya terpaksa menjaga

bayi dan isteri saya pada masa sama.

“Ketika ini isteri telah dirujuk ke bahagian psikiatri serta mengambil ubat bagi menenangkan keadaannya.

“Saya betul-betul buntu dan sedih tak dapat berikan terbaik untuk isteri dan anak-anak lebih-lebih dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga wang simpanan juga sudah hampir habis,” katanya.

Dia yang menetap di Pasir Puteh, Bachang berkata, ketika ini dia hanya mengharapkan orang ramai mendoakan kesembuhan bayi dan isterinya, selain berharap urusannya dipermudahkan.

“Semoga doa orang ramai dapat mempermudahkan urusan kami sekeluarga dalam menempuh dugaan ini,” katanya lagi.

Bagi orang ramai yang ingin membantu memudahkan urusan keluarga ini bolehlah menyumbang menerusi akaun bank Maybank 154062601184 (Azhar Seman).



AMINUDDIN (kiri) menyampaikan sumbangan pek makanan anjuran Kumpulan Golf DTS AKCC kepada salah seorang penerima, baru-baru ini.

Golf DTS salur 200 pek makanan

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Kumpulan Golf Dendam Tak Sudah (DTS) Ayer Keroh Country Club (AKCC) menyalurkan 200 pek makanan kepada golongan memerlukan di negeri ini.

Ahlinya, Long Mohd Nor Aminuddin Long Ibrahim berkata, fokus utama mereka untuk membantu pekerja am, pekerja Zoo Melaka serta petugas pembersihan SWM Environment Sdn Bhd.

“Setakat ini kita beri sumbangan makanan kepada 200 golongan terkesan semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Secara keseluruhan ia melibatkan pe-

runtukan bernilai RM8,000 hasil sumbang ahli-ahli kumpulan Golf DTS sendiri,” katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Katanya, inisiatif itu akan diteruskan sekiranya terus mendapat sumbangan daripada orang ramai.

“Ada juga kita bagi wang tunai, tapi ia bergantung kepada keadaan keluarga tersebut.

“Penerima sumbangan dipilih hasil maklumat diberikan oleh penduduk kampung,” katanya.

Beliau berkata, setakat ini Kumpulan Golf DTS mempunyai seramai 40 ahli.

Kumpulan Golf DTS Group AKCC di-pengerusikan oleh Datuk Mohd Said Osman.



AZHAR turut menerima sumbangan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu, Datuk Norhizam Hassan Baktee (kanan).

BAYI 57 hari milik pasangan suami isteri di Bachang itu disahkan menghidap jantung berlubang.

Semangat Hadilyn bantu bangunkan Akademi Angkat Berat Nyulas

SELEPAS mengakui terhutang budi dengan orang Jasin, Melaka jaguh angkat berat Filipina, Hadilyn Diaz yang merangkul pingat emas dalam Sukan Olimpik Tokyo 2020 26 Julai lepas menyatakan kesediannya membantu Melaka membangunkan Akademi Angkat Berat di Nyulas, Jasin.

Perkara itu dimaklumkan Pengurus Pembangunan Persekutuan Angkat Berat Malaysia (PABM) Ahmad Janius Abdullah yang mendapat perkhabaran itu daripada atlet berusia 30 tahun itu sendiri kepadanya.

"Malah dalam sidang media di sana (Tokyo) Hadilyn sendiri memaklumkan dia akan bantu bangunkan. Sebelum ini pun dia dah tengok keadaan di Akademi Angkat Berat Sekolah Rendah di Sekolah Kebangsaan (SK) Nyulas.

"Insya-Allah, ianya akan menjadi realiti dan kita harap beliau (Hadilyn) akan berada bersama untuk menjadi jadi role model kepada adik-adik di akademi tersebut," katanya ketika ditemui media



AHMAD JANIUS memberi penerangan kepada Tun Mohd Ali mengenai ruang garaj yang digunakan sebagai tempat latihan oleh Hadilyn.

di rumahnya di Batu 19, Kampung Kesang Tua, Jasin pada 28 Julai lalu.

Terdahulu, ruang garaj rumah Ahmad Janius yang juga Naib

Presiden PABM menerima kunjungan Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam selepas ianya tular yang menjadi

tempat latihan jaguh angkat berat Filipina itu.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai merangkap Penyelaras

DUN Bemban, Datuk Hasan Abd Rahman.

Mengulas lanjut, Ahmad Janius berkata, Melaka sememangnya berpotensi untuk dibangunkan sebuah akademi latihan angkat berat kerana pernah melahirkan atlet angkat berat sehingga ke peringkat Sukan Malaysia (SUKMA).

"PABM juga telah mengenal pasti sebidang tanah milik kerajaan Persekutuan seluas kira-kira tiga ekar (1.2 hektar) tidak jauh daripada Akademi Angkat Berat SK Nyulas yang boleh dipindahkan ke situ daripada akademi sedia ada sejak 2019 di SK Nyulas.

"Sekarang ini tanah itu di bawah seliaan Jabatan Pertanian Melaka dan kita dah berhubung dengan mereka untuk dipanjangkan cadangan ini kepada Majlis Sukan Melaka atau Majlis Sukan Negara (MSN).

"Saya berharap usaha ini dapat dilaksanakan kerana untuk Melaka sahaja, kita telah ada kira-kira 30 atlet angkat berat berusia antara 11 hingga 13 tahun," katanya.

JDT jalin kerjasama dengan Aston Martin

KELAB Bolasepak Johor Darul Ta'zim (JDT) terus mengorak langkah, apabila menjalankan kerjasama dengan syarikat permotoran British, Aston Martin Racing Asia yang bakal menyaksikan kemunculan rekaan kereta edisi terhad, bertemakan JDT.

JDT dalam satu kenyataan hari ini menyatakan, kerjasama itu membuktikan peningkatan jenama kelab itu sama ada di peringkat tempatan maupun antarabangsa, semenjak ia ditubuhkan Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim pada 2013.

"Kami berbangga serta gembira dapat mencapai persetujuan dengan ibu pejabat syarikat pemotoran tersebut, yang berpusat di United Kingdom.

"Kerjasama ini bukan sahaja memberikan nilai kewangan kepada JDT, malah membuka peluang kepada JDT, Johor dan Aston Martin Racing Asia bekerjasama dalam pelbagai bidang, pada

masa yang akan datang," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan JDT itu, ia digambarkan sebagai satu kerjasama antara JDT selaku juara Liga Super tujuh kali berturut-turut, manakala Aston Martin pula juara perlumbaan Le Mans Endurance 2020.

"JDT adalah juara di padang dengan kejayaan yang konsisten, selain mendominasi tajuk-tajuk berita di luar padang dengan infrastruktur berkelas dunia, kekuatan jenama serta hubungan dengan kelab terkena antarabangsa, individu, organisasi dan entiti perniagaan," menurut kenyataan itu.

Selain kerjasama itu, Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF), Nike, Hublot, Subway, F&N dan SWAG EV, merupakan antara jenama antarabangsa terkena yang menjadi penaja dan rakan strategik kelab Harimau Selatan itu. -BERNAMA

Liu Ying fokus tingkat prestasi

SEKALI pun dilemparkan komen negatif di medial sosial susulan prestasi mengecewakan pada Sukan Olimpik Tokyo 2020, pemain beregu campuran negara Goh Liu Ying tidak mahu terlalu memikirkan perkara itu sehingga boleh menjelaskan prestasinya pada kejohanan akan datang.

Pemain berusia 32 tahun itu berkata seperti mana pemain sukan tanah air, beliau dan gandingannya Chan Peng Soon juga terkesan kerana gagal merealisasikan harapan memberikan impak cemerlang pada temasya Olimpik kali ini walaupun sudah berusaha sebaik mungkin.

"Saya faham, mereka (netizen) meletakkan harapan tinggi kepada kami, sebab itu mereka kritik prestasi kami (di Sukan Olimpik Tokyo). Tetapi bagi saya yang paling penting sebagai atlet kita sudah melakukannya apa yang terbaik."

"Kita bermain untuk menang, bagi diri sendiri dan negara. Sekiranya komen mereka (netizen) positif, kita akan terima tetapi jika komen mereka negatif sehingga menjelaskan prestasi kami di gelanggang, saya tidak mahu ambil kisah," katanya ketika ditemui di Musashino Forest Sport Plaza.

Pada temasya Sukan Ol-

impik Tokyo, pasangan Peng Soon-Liu Ying yang meraih pingat perak pada edisi Rio 2016, gagal meraih sebarang kemenangan dalam tiga aksi peringkat kumpulan sehingga menyebabkan netizen melontarkan komen negatif terhadap gandingan itu di media sosial.

Pada aksi pembukaan, beregu campuran utama negara itu tumpas kepada pasangan Hong Kong Tang Chun Man-Tse Ying Suet 18-21, 21-10, 16-21, sebelum tewas kepada gandingan Jerman Mark Lamsfuss-Isabel Herttrich pada aksi 12-21, 15-21.

Dalam aksi terakhir peringkat kumpulan 26 Julai lepas, Peng Soon-Liu Ying yang berada di ranking ketujuh dunia, tumpas di tangan pasangan nombor tiga dunia dari China, Wang Yilyu-Huang Dong Ping 13-21, 19-21.

Mengulas lanjut, Liu Ying berkata beliau mengambil pendekatan untuk hanya mendengar komen atau teguran daripada jurulatih yang dapat memperbaiki prestasi beliau dan Peng Soon di gelanggang.

"Saya rasa tidak perlu ambil kisah komen daripada mereka (netizen), saya hanya akan dengar komen daripada jurulatih, sebab dia (jurulatih) orang yang penting dalam corak permainan saya."



GANDINGAN Liu Ying dan Peng Soon gagal meraih sebarang kemenangan dalam tiga aksi peringkat kumpulan sehingga menyebabkan netizen melontarkan komen negatif terhadap gandingan itu di media sosial.

"Saya tahu rakyat mletakkan harapan tinggi kepada kami, tetapi kalau komen yang diberikan itu tidak boleh memperbaiki prestasi, kami tidak pedulikan," katanya yang menghargai sokongan berterusan daripada pelbagai pihak terutama keluarga dalam mengharungi situasi mencabar ini.

Liu Ying yang mengalami kecederaan pada kakinya pada temasya kali ini, berkata tumpuan beliau kini adalah untuk melayakkan diri ke Kejohanan Dunia dan Kejohanan Akhir Jelajah Dunia Persekutuan Badminton Dunia (BWF) pada akhir tahun ini.

Bukan mahu memberi alasan, Liu Ying berkata seperti mana atlet lain, mereka juga tidak terlepas daripada pelbagai cabaran dan rintangan

susulan penularan pandemik COVID-19 yang sedikit sebanyak menjelaskan prestasi mereka pada Sukan Olimpik Tokyo.

"Mereka (netizen) mungkin ambil masa lima saat di keyboard, tetapi kami telah buat persediaan selama dua, tiga tahun untuk menghadapi Sukan Olimpik ini. Tetapi kami tidak mampu menjelaskan apa yang telah kami lakukan.. bukan senang untuk layak ke Olimpik."

"Namun bagi saya, selagi saya buat yang terbaik dan tidak buat salah kepada se-siapa, itu sudah cukup. Kita telah berusaha demi negara, malah sudah 12 tahun dan tiga kali Olimpik kami sudah beraksi untuk negara, itu cukup bermakna," katanya.

- BERNAMA



Liu Ying fokus tingkat prestasi

■ 23

Sukan MELAKA HARI INI

LIGA SUPER MALAYSIA 2021
Jadual perlawanan Melaka United FC

PERLAWANAN ke - 17

MELAKA UNITED FC JOHOR DARUL TA'ZIM

STADIUM HANG JEBAT, MELAKA

SELASA, 3 OGOS 2021

9.00 Malam

PERLAWANAN ke - 18

PENANG FC MELAKA UNITED FC

STADIUM BANDARAYA, PULAU PINANG

SABTU, 7 OGOS 2021

9.00 Malam

Grafik : Melaka Hari Ini Sumber : melakauathletic.com

www.melakaharinini.my f @ Melaka Hari Ini D Melaka Tv



HASIL latihan intensif di Kampung Kesang Tua, Hidilyn melakar sejarah peroleh emas pertama buat negaranya pada temasya Sukan Olimpik 2020 di Tokyo, Jepun, baru-baru ini.

Melaka cetus 'juara Olimpik'

JAGUH angkat berat Hidilyn Diaz melakar sejarah baharu buat negara Filipina apabila menjadi atlet pertama meraih pingat emas pada temasya Sukan Olimpik 2020.

Kejayaan itu diraihnya menerusi kategori 55 kilogram (kg) wanita di Tokyo International Forum pada temasya Sukan Olimpik 2020, baru-baru ini.

Diaz yang berasal dari Selatan Bandar Zamboanga itu menewaskan pemegang rekod dunia dari China, Liao Qiuyun yang berpuas hati dengan pingat perak.

Diaz, 30, sebelum ini pernah mencetus sensasi di bumi Melaka apabila berlatih di sebuah garaj kereta milik keluarga angkatnya di Kesang, Jasin.

Dia mula berlatih di negara ini apabila terkandas di Malaysia sejak Januari tahun lalu, berikutan pandemik COVID-19.

Keluarga angkatnya Ahmad Janius Abdullah berkata, sepanjang berada di Melaka, Hidilyn turut berlatih bersama atlet berusia lingkungan 12 hingga 15 tahun dan tidak lokek berkongsi ilmu mengenai sukan angkat berat.

"Ilmu yang diterima murid-murid ini sangat berharga kerana dia sebelum ini pemenang pingat perak Olimpik 2016 dan siapa sangka kini namanya terpahat sebagai pemenang pingat emas pula pada temasya Olimpik kali ini."

"Bukan sahaja ilmu bersama juara, tetapi mereka juga dapat menimba ilmu daripada dua jurulatih berpengalaman dari China dan Guam yang bersama Hidilyn dan telah mengajar mereka bermula dari bawah."

"Saya yakin dengan tunjuk ajar yang diberi, kesemua atlet pelapis ini boleh jadi wakil Malaysia di masa akan datang dan seterusnya memenangi pingat buat negara dalam kejohanan akan datang," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Melihat kepada impak positif yang terhasil daripada kejayaan Hidilyn, Ahmad Janius yang juga Naib Presiden Persekutuan Angkat Berat Malaysia (PABM) berharap agar kerajaan mula memandang sukan angkat berat sebagai satu daripada prospek pingat negara pada masa akan datang.

Beliau berkata, bermula dari sekarang kerajaan sudah boleh memberi perhatian kepada pembangunan fasiliti angkat berat yang lebih sempurna agar Malaysia dapat melahirkan juara dunia seterusnya.

Kami sudah lakukan yang terbaik - Pandalela

"KAMI sudah melakukan yang terbaik, dan mungkin kami tiada tuah meraih pingat kali ini. Tiada yang perlu dikesalkan," demikian reaksi ratu terjun negara Pandalela Rinong selepas tamat acara 10 meter platform seirama wanita Sukan Olimpik Tokyo di Pusat Akuatik Tokyo, pada 27 Julai lepas.

Pandalela, 28, berkata segalanya berjalan lancar ketika sesi memanaskan badan sebelum saingan bermula, namun ketika aksi sebenar beliau bersama Leong Mun Yee, masing-masing melakukan kesilapan dalam terjunan.

"Kami beraksi tanpa tekanan kerana sudah biasa dengan keadaan ini, mungkin semasa melakukan terjunan sedikit tidak menjadi," kata penerjun kelahiran Sarawak berusia 28 tahun itu.

Harapan peminat sukan tanah air untuk melihat gandingan Pandalela dan Mun Yee menyumbangkan pingat tidak kesampaian, selepas gandingan penerjun negara itu sekadar menamatkan acara berkenaan di kedudukan kelapan.

Pasangan penerjun negara itu

sekadar meraih 277.98 mata, sekali gus gagal mempertahankan pingat perak yang dimenangi Malaysia pada edisi Rio 2016.

Pingat emas acara itu dimenangi gandingan penerjun China, Chen Yuxi dan Zhang Jiaqi yang meraih 363.78 mata.

Pada edisi Rio 2016, Pandalela meraih pingat perak dalam acara terjun 10m platform seirama wanita bersama Cheong Jun Hoong.

Bagi menebus kekecewaan itu, Pandalela berkata beliau akan berusaha sedaya upaya menampilkan aksi terbaik apabila turun bersaing dalam acara 10 meter platform individu pada 4 Ogos ini.


"Ambil ini sebagai pengajaran dan motivasi untuk buat lebih baik semasa latihan dalam beberapa hari ini, dan kekalkan kekuatan mental."

"Saya perlu konsisten dalam setiap terjunan jika mahu berada dalam kedudukan tiga teratas," kata Pandalela.

Bagi Mun Yee, 36, beliau mengakui penyertaan di Tokyo adalah penampilan terakhirnya di pentas Olimpik selepas edisi Sydney 2000,

"Selalunya sebelum bertanding di Olimpik, kami akan ada latihan pusat di luar negara, tetapi kali ini kami tidak dapat lakukannya, dan pertandingan antarabangsa juga tidak banyak, dan ini sedikit sebanyak menjelaskan persediaan kami," kata Mun Yee. - BERNAMA

MUN Yee (kiri) dan Pandalela ketika melakukan terjunan acara 10 meter platform seirama wanita Sukan Olimpik Tokyo di Pusat Akuatik Tokyo, pada 27 Julai lepas.
Foto Kredit The Star/AFP



Athens 2004, Beijing 2008 dan London 2012.

Beliau berkata penularan pandemik COVID-19 sedikit sebanyak menjelaskan persiapan mereka, bagi menghadap temasya sukan di Tokyo itu.

"Gerakan seirama kami agak baik, tetapi kami berdua melakukan kesilapan dalam terjunan masing-masing, ini menyebabkan kami tidak dapat memperbaiki aksi terbaik."

"Selalunya sebelum bertanding di Olimpik, kami akan ada latihan pusat di luar negara, tetapi kali ini kami tidak dapat lakukannya, dan pertandingan antarabangsa juga tidak banyak, dan ini sedikit sebanyak menjelaskan persediaan kami," kata Mun Yee. - BERNAMA